

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA BERKAITAN HALAL

Keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan Keputusan Jawatankuasa / Lembaga Fatwa Negeri

—— Himpunan & Rangkuman Mengikut Tema ——

Dokumen ini menghimpunkan keputusan fatwa sahaja — keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI dan keputusan Jawatankuasa / Lembaga Fatwa Negeri

Halal International Research Academy (HIRA)

Bahagian Pengurusan Halal

KANDUNGAN

BAHAGIAN A — ALKOHOL DALAM MAKANAN, MINUMAN, UBAT & PEWANGI 7
Tema 1: Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-ubatan 7
1.1 Alkohol Menurut Pandangan Islam (MKI, 1984) 7
1.2 Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan (MKI, 2011) 7
1.3 Penentuan Kandungan Alkohol Yang Dibenarkan Dalam Makanan Dan Minuman (Pahang, 2011) 8
1.4 Alkohol Sebagai Penstabil Minuman Ringan (MKI, 1988) 9
1.5 Alkohol Menurut Pandangan Islam (Sarawak, 1999) 9
1.6 Etil Alkohol Dalam Makanan (Johor, 2010) 10
1.7 Penggunaan Alkohol Semasa Solat (Kelantan, 1970) 10
Tema 2: Wine Vinegar (Cuka Wain) 11
2.1 Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain) (MKI, 2006) 11
2.2 Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain) (Selangor, 2006) 11

BAHAGIAN B — PENYEMBELIHAN & KAEDAH PELALIAN (STUNNING) 12
Tema 3: Sembelihan Ahli Kitab 12
3.1 Hukum Penyembelihan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) (MKI, 1984) 12
Tema 4: Penyembelihan Menggunakan Pisau / Mesin Mekanikal 12
4.1 Garis Panduan Mengenai Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan Makanan Halal (MKI, 2000) 12
4.2 Cadangan Kajian Semula Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Mengenai Penggunaan Kaedah Sembelihan Mekanikal (MKI, 2012) 13
Tema 5: Penyembelihan Menggunakan Kaedah Pelalian (Stunning) 13
5.1 Penggunaan Electrical Stunning Dalam Penyembelihan Lembu (MKI, 1988) 13
5.2 Hukum Mengenai Stunning Haiwan (MKI, 2005) 13
5.3 Penyembelihan Ayam Dengan Menggunakan Pelalian "Water Stunner" (Sarawak, 2011) 14
5.4 Penyembelihan Ayam Dengan Pelalian Water Stunner (MKI, 1988) 15
5.5 Penggunaan "Electrical Stunning" Dalam Proses Penyembelihan Lembu (Sarawak, 2011) 15
5.6 Penggunaan Pneumatic Percussive Stunning Menurut Pandangan Islam (MKI, 2006) 15
5.7 Penggunaan Pneumatic Percussive Stunning Menurut Pandangan Islam (Selangor, 2007) 16
5.8 Cadangan Kajian Semula Keputusan Muzakarah Mengenai Pneumatic Percussive Stunning (MKI, 2012) 16
Tema 6: Teknik Thoracic Sticking 16
6.1 Kaedah Thoracic Sticking Dalam Sembelihan Haiwan (MKI, 2005) 16
6.2 Teknik Thoracic Sticking Dalam Penyembelihan (Sarawak, 2016) 17

BAHAGIAN C — STATUS HAIWAN & HIDUPAN AIR 18
Tema 7: Haiwan / Ikan Jallalah (Diberi Makan Najis) 18
7.1 Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal (MKI, 2006) 18
7.2 Kepenggunaan Haiwan Jallalah Industri Akuakultur di Malaysia (MKI, 2021) 18
7.3 Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal (Selangor, 2007) 19

7.4 Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal (Kelantan, 2006) 19
7.5 Status Kesucian Ikan Yang Dipelihara (Negeri Sembilan, 2017) 19
7.6 Status Kesucian Haiwan Ternakan Yang Diberi Makan Najis (Sarawak, 2019) 20
7.7 Status Kesucian Ikan Diberi Makanan Tidak Halal (Wilayah Persekutuan, 2007) 20
Tema 8: Belangkas 20
8.1 Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya (MKI, 2011) 20
8.2 Makan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya (Sarawak, 2011) 21
8.3 Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya (Review) (Kelantan, 2012) 21
Tema 9: Sarang Burung Layang-layang (Walit) 22
9.1 Hukum Memakan Sarang Burung Layang-Layang (MKI, 2007) 22
9.2 Pendapat Mengenai Makanan "Sarang Burung Layang-Layang" (Negeri Sembilan, 2005) 22
9.3 Hukum Sarang Burung (Sarawak, 2007) 23
9.4 Hukum Mengenai Duit Hasil Perusahaan Sarang Burung Walit (Kedah, 2010) 23
Tema 10: Haiwan Eksotik — Ternakan Rusa 23
10.1 Hukum Zakat, Korban dan Aqiqah ke atas Ternakan Rusa (MKI, 1993) 23
Tema 11: Status Halal Hidupan Air / Haiwan Tertentu (Keputusan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak) 24
11.1 Hukum Penghasilan Dan Pengambilan Produk Udang Galah Neo (Macrobrachium rosenbergii) (Sarawak, 2023) 24
11.2 Hukum Makan Temilok Dan Yang Berkaitan Dengannya (Sarawak, 2012) 25
11.3 Hukum Memakan Ngowang @ Mud Lobster (Thalassina anomala) (Sarawak, 2018) 26
11.4 Hukum Makan Lelitak @ Onch Slug (Sarawak, 2020) 26
11.5 Hukum Memelihara Dan Berjual Beli Dengan Cicak Gekko gecko (Tokay) Bagi Tujuan Perubatan Dan Makanan (Sarawak, 2012) 27
11.6 Hukum Memakan Ulat Mulong (Ulat Sagu) Dan Yang Berkaitan Dengannya (Sarawak, 2012) 27
Tema 12: Pemeliharaan dan Penggunaan Anjing 28
12.1 Hukum Pemeliharaan Anjing Sebagai Haiwan Peliharaan Oleh Orang Islam (Pulau Pinang, 2017) 28
12.2 Fatwa Berkaitan Muslim Yang Berurusan Dengan Anjing (Perlis, 2021) 29

BAHAGIAN D — PENGGUNAAN UNSUR/BAHAN HAIWAN, NAJIS & PENYUCIAN 31
Tema 13: Berus Bulu Khinzir 31
13.1 Hukum Penggunaan Bulu Babi (MKI, 1985) 31
Tema 14: Bulu Binatang Halal sebagai Ramuan Makanan (Vitamin D3) 31
14.1 Hukum Penggunaan Bulu Binatang Yang Halal Dimakan Sebagai Ramuan Makanan (MKI, 2010) 31
Tema 15: Anggota / Unsur Haiwan Haram (Selain Anjing & Babi) untuk Kosmetik 32
15.1 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (MKI, 2006) 32
15.2 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (Selangor, 2006) 33
15.3 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (Sabah, 2008) 33
15.4 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (Negeri Sembilan, 2018) 34

Tema 16: Minyak Ikan 34
16.1 Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya (MKI, 2015) 34
16.2 Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya (Selangor, 2015) 35
16.3 Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya (Negeri Sembilan, 2015) 35
16.4 Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Dan Najisnya (Johor, 2016) 36
16.5 Hukum Penghasilan Produk Minyak Ikan (Crude Fish Oil) Daripada Sisa Ikan Mentah (MKI, 2020) 36
Tema 17: Plasma Darah dalam Makanan 37
17.1 Hukum Plasma Darah Dalam Makanan Menurut Perspektif Islam (MKI, 2020) 37
Tema 18: Gelatin / Kapsul Ubat Berasaskan Gelatin (Keadaan Darurat) 38
18.1 Gelatin Dalam Ubat / Hukum Penggunaan Kapsul Ubat Berasaskan Gelatin Babi Dalam Keadaan Darurat (MKI, 1984) 38
Tema 19: Lintah dan Cacing (Perubatan & Kosmetik) 38
19.1 Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik (MKI, 2008) 38
19.2 Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik (Selangor, 2011) 38
19.3 Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik (Wilayah Persekutuan, 2008) 39
Tema 20: Usus Binatang sebagai Benang Jahitan Pembedahan 39
20.1 Usus Binatang Yang Digunakan Sebagai Benang Jahitan dalam Pembedahan (Pulau Pinang, 1988) 39
Tema 21: *Bone* China / Abu Tulang Haiwan (Peralatan & Perhiasan) 40
21.1 Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone* China) (MKI, 2012) 40
21.2 Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone* China) (Perak, 2018) 40
21.3 Mohon Fatwa Berkaitan Pinggan Mangkuk Berasaskan Serbuk Tulang (*Bone* Ash) (Johor, 2010) 41
21.4 Penggunaan Peralatan dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Negeri Sembilan, 2012) 42
21.5 Hukum Produk Seramik *Bone* China Yang Menggunakan Bahan Asas Dari Abu Tulang (Selangor, 2009) 42
21.6 Penggunaan Peralatan dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone* China) (Sabah, 2015) 43
Tema 22: Alatan Perubatan Mengandungi Bahan Najis 43
22.1 Hukum Menggunakan Alatan Perubatan Mengandungi Bahan Najis (Perlis, 2026) 43
Tema 23: Sertu / Samak Najis Mughallazah 44
23.1 Pelaksanaan Sertu Industri Menggunakan Kaedah Khas (Semburan, Celup, Vakum Air, Lap Basah, Sapuan kering) Untuk Pembangunan Standard Sertu (MS) Bagi Keperluan Industri (MKI, 2025) 44
23.2 Melakukan Samak Najis Mughallazah Menggunakan Sabun Tanah Liat (Negeri Sembilan, 2019) 45

BAHAGIAN E — BAHAN & ADITIF MAKANAN 46
Tema 24: Keju sebagai Bahan Makanan 46
24.1 Keju Sebagai Bahan Makanan (MKI, 1990) 46
Tema 25: Pewarna Cochineal (Carmine) 46
25.1 Hukum Bahan Pewarna Cochineal: Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI, 2012) 46
Tema 26: Asid Tartarik dalam Industri Makanan 47
26.1 Penggunaan Asid Tartarik dalam Industri Makanan Halal (MKI, 2020) 47
26.2 Fatwa Mengenai Penggunaan Asid Tartarik dalam Industri Makanan Halal (Pulau Pinang, 2018) 47
26.3 Hukum Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal (Selangor, 2024) 48
Tema 27: Mikroorganisme Terubah Suai dalam Penghasilan MSG 48
27.1 Mikroorganisme Terubah Suai dalam Penghasilan MSG (Selangor, 2015) 48
27.2 Penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) Menggunakan Mikro Organisma Terubahsuai (MKI, 2014) 48
Tema 28: Kopi Luwak (Kopi Musang) 49
28.1 Hukum Meminum Kopi Luwak (Musang) (MKI, 2012) 49
BAHAGIAN F — PERUBATAN, VAKSIN & BIOTEKNOLOGI 50
Tema 29: Suntikan Insulin daripada Sumber Babi (Keadaan Darurat) 50
29.1 Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi (MKI, 1983) 50
Tema 30: Vaksin Meningococcal Meningitis 50
30.1 Suntikan Pelalian Vaksin 'Meningococcal Meningitis' Oleh Orang Islam (MKI, 2002) 50
30.2 Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo (MKI, 2013) 50
30.3 Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo (Rujuk Pindaan) (MKI, 2011) 51
30.4 Hukum Pelalian Meningococcal Meningitis Bagi Mencegah Jangkitan Kuman (Selangor, 2002) 51
Tema 31: Vaksin Biothrax dan Rotateq (Unsur Babi) 52
31.1 Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya (MKI, 2008) 52
Tema 32: Pengklonan dan Sel Stem (Stem Cell) 52
32.1 Hukum Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem (Stem Cell) (MKI, 2005) 52
Tema 33: Daging Kultur (Cultured Meat) 54
33.1 Penentuan Hukum Memakan Daging Kultur (Cultured Meat) Menurut Perspektif Islam dan Sains (MKI, 2025) 54
33.2 Hukum Penggunaan Daging Kultur Dalam Makanan Menurut Perspektif Islam Di Wilayah Persekutuan (Wilayah Persekutuan, 2023) 54
Tema 34: Kanabis untuk Tujuan Perubatan 55
34.1 Kanabis untuk Tujuan Perubatan (Wilayah Persekutuan, 2019) 55
Tema 35: Serbuk Cengkerik sebagai Sumber Protein 55
35.1 Serbuk Cengkerik sebagai Sumber Protein (Wilayah Persekutuan, 2023) 55
BAHAGIAN G — ISU KEPENGGUNAAN & PENGESAHAN HALAL SEMASA 56
Tema 36: DNA Babi dalam Makanan dan Bioteknologi 56
36.1 Kuantifikasi & Stabiliti DNA Babi (TaqMan Real-Time PCR) (Pulau Pinang, 2014) 56
36.2 Kuantifikasi & Stabiliti DNA Babi (TaqMan Real-Time PCR) (Selangor, 2014) 57

36.3 Bioteknologi Dalam Makanan & Minuman (MKI, 1999) 57
Tema 37: Pemakanan Halalan Toyyiban di Restoran 'No Pork No Lard' 58
37.1 Pemakanan Halalan Toyyiban di Restoran 'No Pork No Lard' (Pulau Pinang, 2024) 58

Nota Status Pewartaan

Status pewartaan bagi setiap keputusan dinyatakan secara seragam sebagai “Warta” atau “Tidak Warta”. Keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI tidak diwartakan dengan sendirinya; keputusan tersebut hanya berkuat kuasa sebagai fatwa negeri apabila diterima pakai dan diwartakan oleh negeri masing-masing. Oleh itu, semua keputusan Muzakarah MKI dicatat sebagai “Tidak Warta”.

BAHAGIAN A — ALKOHOL DALAM MAKANAN, MINUMAN, UBAT & PEWANGI

Tema 1: Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-ubatan

1.1 Alkohol Menurut Pandangan Islam (MKI, 1984)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7
Tarikh bersidang	11–12 April 1984
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11 – 12 April 1984 telah membincangkan Alkohol Menurut Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

i. Setiap minuman arak mengandungi alkohol. Bukan semua alkohol itu mengandungi arak. Alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis, tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum.

ii. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.

iii. Minuman ringan yang dibuat bukan dijadikan arak atau bahan yang mabuk dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal.

iv. Tapai halal dimakan.

v. Alkohol yang terjadi sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan.

vi. Ubat-ubatan dan pewangi yang ada kandungan alkohol adalah harus dan dimaafkan.

1.2 Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan (MKI, 2011)

Pihak memutuskan	Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
Tarikh bersidang	14–16 Julai 2011
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Berdasarkan taklimat, pembentangan dan penjelasan yang disampaikan oleh pakar-pakar daripada Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia serta dengan mengambilkira keputusan-keputusan yang telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdahulu, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang membincangkan isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan pada 14 hingga 16 Julai 2011 telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

i. Setiap minuman arak adalah mengandungi alkohol. Walaubagaimanapun bukan semua alkohol itu adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya haram dan najis.

ii. Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh.

iii. Minuman ringan yang diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum.

iv. Manakala minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses membuat arak, sama ada mengandungi banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.

v. Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kekacang atau bijirin serta perahannya, atau alkohol yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan harus (boleh) dimakan/diminum.

vi. Makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.

vii. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.

1.3 Penentuan Kandungan Alkohol Yang Dibenarkan Dalam Makanan Dan Minuman (Pahang, 2011)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-6/2011
Tarikh bersidang	30 Disember 2011
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-6/2011, pada 30 Disember 2011 memutuskan:

i. Setiap minuman arak adalah mengandungi alkohol. Walaubagaimanapun bukan semua alkohol itu adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya haram dan najis.

ii. Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh.

iii. Minuman ringan yang boleh diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum.

iv. Manakala minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses membuat arak, samada mengandungi banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.

v. Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kekacang atau bijirin serta perahannya, atau alkohol yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan harus (boleh) dimakan/diminum.

vi. Makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.

vii. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.

1.4 Alkohol Sebagai Penstabil Minuman Ringan (MKI, 1988)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22
Tarikh bersidang	24 November 1988
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 Nov 1988 telah membincangkan Alkohol Sebagai Penstabil Minuman Ringan. Muzakarah telah memutuskan bahawa kordial yang mengandungi bahan perisa (flavour) yang dimasukkan alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan untuk tujuan minuman sekiranya:

i. Alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak.

ii. Bahawa kuantiti alkohol dalam perisa (flavour) itu adalah sedikit iaitu tidak memabukkan.

1.5 Alkohol Menurut Pandangan Islam (Sarawak, 1999)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-4
Tarikh bersidang	24 Syaaban 1420H / 2 Disember 1999M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke-4 pada 24 Syaaban 1420H / 2 Disember 1999M telah memutuskan bahawa:

1. Setiap minuman arak mestilah mengandungi alkohol tetapi bukan semua alkohol itu adalah dari arak. Alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis, tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum seperti racun.

2. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.

3. Minuman ringan yang dibuat untuk dijadikan arak atau bahan yang mabuk dan sama caranya dengan proses arak adalah haram.

4. Tapai halal dimakan.

5. Alkohol yang terjadi dan digunakan sebagai barang sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan seperti pengawet.

6. Ubat-ubatan dan pewangi yang ada mengandungi alkohol adalah harus dan dimaafkan.

1.6 Etil Alkohol Dalam Makanan (Johor, 2010)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor
Tarikh bersidang	16 Rejab 1431H / 29 Jun 2010M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 16 Rejab 1431 bersamaan 29 Jun 2010 telah membincangkan mengenai Etil Alkohol Dalam Makanan. Fatwanya:

i. Setiap minuman arak mengandungi Alkohol Etanol yang memabukkan tetapi bukan semua alkohol itu dari arak. Alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis.

ii. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak samada mengandungi sedikit alkohol atau alkohol yang disulingkan adalah haram diminum.

iii. Minuman ringan yang dibuat bukan untuk dijadikan arak atau bukan yang memabukkan dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal.

iv. Alkohol yang terjadi sampingan dalam proses pembuatan makanan dan minuman tidak najis dan boleh dimakan.

v. Kandungan Etil Alkohol yang terdapat di dalam makanan dan minuman yang dibenarkan adalah tidak lebih daripada 0.01%.

1.7 Penggunaan Alkohol Semasa Solat (Kelantan, 1970)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan
Tarikh bersidang	1970
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Menurut maklumat yang di terima alkohol ialah nama yang digunakan di dalam kaedah saintifik kepada sebatian yang mempunyai kumpulan hidroksi (-OH), dan dikenali ada dua jenis yang agak baik, iaitu:

i) Alkohol kayu (methanol)

ii) Alkohol biji-bijian (ethanol)

Kedua jenis alkohol ini mempunyai sebatian yang merupakan formula am struktur (R-OH). Methanol adalah sebatian yang mempunyai formula struktur (CH3-OH). Di hospital ia dikenali dengan nama 'spirit' yang dipakai untuk membunuh kuman. Jenis ini tidak digunakan untuk minuman. Ethanol adalah sebatian yang mempunyai formula struktur (CH3CH2-OH) bahan inilah yang digunakan sebagai campuran dalam minuman keras.

Dari penjelasan ringkas mengenai jenis alkohol itu dapat disimpulkan bahawa setiap arak atau minuman keras ada mengandungi alkohol tetapi tidak semua alkohol itu adalah arak. Alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis. Alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum. Selain itu alkohol juga terhasil dari lebihan proses pembuatan makanan seperti tapai, sama ada dari ubi kayu atau pulut. Ianya adalah tidak najis dan harus dimakan. Ubat-ubatan, minyak wangi yang dicampurkan alkohol yang diproses bukan untuk pembuatan arak adalah harus dan dimaafkan.

Tema 2: Wine Vinegar (Cuka Wain)

2.1 Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain) (MKI, 2006)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73
Tarikh bersidang	4–6 April 2006
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4 - 6 April 2006 telah membincangkan Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain). Muzakarah telah memutuskan bahawa haram menggunakan Cuka Wain (Wine Vinegar) yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar. Walaubagaimanapun, sekiranya perubahan daripada cuka wain kepada cuka berlaku dengan sendirinya, maka ia adalah halal.

2.2 Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain) (Selangor, 2006)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-3/2006
Tarikh bersidang	26–27 Jun 2006
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 3/2006 yang bersidang pada 26-27 Jun 2006 telah membincangkan Hukum Wine Vinegar (cuka wain). Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut: Bahawa haram menggunakan cuka wain (Wine Vinegar) atau seumpamanya yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar. Walau bagaimanapun, sekiranya perubahan daripada cuka wain atau seumpamanya kepada cuka berlaku dengan sendirinya, maka ia adalah halal.

BAHAGIAN B — PENYEMBELIHAN & KAEDAH PELALIAN (STUNNING)

Tema 3: Sembelihan Ahli Kitab

3.1 Hukum Penyembelihan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) (MKI, 1984)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7
Tarikh bersidang	11–12 April 1984
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11 - 12 April 1984 telah membincangkan mengenai Hukum Penyembelihan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). Muzakarah telah memutuskan bahawa sembelihan ahli kitab yang asli boleh dimakan oleh orang Islam dengan syarat penyembelihan mengikut kaedah-kaedah yang sah mengikut syarak.

Tema 4: Penyembelihan Menggunakan Pisau / Mesin Mekanikal

4.1 Garis Panduan Mengenai Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan Makanan Halal (MKI, 2000)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-48
Tarikh bersidang	3 April 2000
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 telah membincangkan Garis Panduan Mengenai Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan Makanan Halal. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

i. Pengendali pisau mekanikal hendaklah seorang Muslim.

ii. Pengendali tersebut hendaklah membaca "Bismillah" sebelum memetik suis pisau mekanikal dan hendaklah memerhati kepada binatang yang disembelih.

iii. Penyembelih Muslim yang memetik suis pisau mekanikal tidak boleh meninggalkan tempat sembelihan semasa penyembelihan sedang dijalankan dan tidak boleh membuat kerja-kerja lain yang mengganggu tumpuan.

4.2 Cadangan Kajian Semula Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Mengenai Penggunaan Kaedah Sembelihan Mekanikal (MKI, 2012)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-102
Tarikh bersidang	17–19 Disember 2012
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-102 yang bersidang pada 17 hingga 19 Disember 2012 telah membincangkan Cadangan Kajian Semula Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Mengenai Penggunaan Kaedah Sembelihan Mekanikal. Muzakarah memutuskan bahawa fatwa terhadap penggunaan sembelihan mekanikal yang diputuskan pada 15 Disember 1994 iaitu:

"Penyembelihan ayam dengan menggunakan mesin elektrik adalah dibolehkan dengan syarat penyembelih iaitu orang Islam sentiasa hadir sepanjang penyembelihan berlaku dan mematikan suis sekiranya dia terpaksa meninggalkan tempat itu kerana sesuatu urusan. Pihak berkuasa hendaklah sentiasa mengawasi tempat sembelihan itu supaya tidak berlaku penyelewengan"

adalah dikekalkan dan tidak perlu dipinda atau dikaji semula kerana hukum mengenainya adalah jelas dan tiada isu.

Tema 5: Penyembelihan Menggunakan Kaedah Pelalian (Stunning)

5.1 Penggunaan Electrical Stunning Dalam Penyembelihan Lembu (MKI, 1988)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22
Tarikh bersidang	24 November 1988
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 Nov 1988 telah membincangkan Penggunaan Electrical Stunning Dalam Penyembelihan Lembu. Muzakarah telah memutuskan bahawa Penggunaan Electrical Stunning Dalam Penyembelihan Lembu adalah harus.

5.2 Hukum Mengenai Stunning Haiwan (MKI, 2005)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
Tarikh bersidang	29 September 2005
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) telah memutuskan bahawa:

1. Kaedah stunning jenis Penetrative Captive Bolt dan Non Penetrative Captive Bolt (Mushroom Head Gun) adalah haram dan tidak dibenarkan kerana ia boleh menyebabkan kematian haiwan.

2. Hanya kaedah Kejutan Elektrik (Electrical Stunning) sahaja dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

    a. Stunner yang digunakan adalah jenis kejutan di kepala sahaja (head only stunner)

    b. Kekuatan arus elektrik hendaklah dikawal (tidak boleh melebihi had yang ditetapkan) iaitu antara 0.75 ampere untuk kambing, 2.0 ampere untuk lembu dan tempoh masa aliran elektrik ialah antara 3-6 saat; dan

    c. Perlu dikawalselia oleh petugas muslim yang bertauliah.

3. Kaedah Waterbath Stunning untuk ayam dan itik (poultry) adalah diharuskan dengan syarat:

    a. Kekuatan arus elektrik adalah dikawal supaya tidak mematikan haiwan; dan

    b. Perlu dikawalselia oleh petugas muslim yang bertauliah.

4. Penggunaan dadah dan karbon dioksida dalam prosedur sembelihan adalah diharuskan dengan syarat tidak menyeksa atau mematikan haiwan tersebut.

5.3 Penyembelihan Ayam Dengan Menggunakan Pelalian "Water Stunner" (Sarawak, 2011)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-19
Tarikh bersidang	20 Rejab 1432H / 22 Jun 2011M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke 19 pada 20 Rejab 1432H / 22 Jun 2011M sebulat suara bersetuju menerima hukum seperti yang diputuskan iaitu:

i. "Penggunaan 'Water Stunner' dalam proses penyembelihan ayam adalah harus dan mengambil kira bahawa hayat mustaqirrah itu masih ada serta pelaksanaannya sentiasa dipantau".

ii. Mesyuarat juga membuat keputusan supaya syarikat-syarikat yang besar menyediakan pegawai syariah bagi memantau proses penyembelihan di premis masing-masing. Manakala bagi syarikat kecil, pemantauan yang lebih kerap perlu dilakukan oleh Unit Halal, Jabatan Agama Islam Sarawak.

iii. Mesyuarat mencadangkan agar diadakan tayangan video atau membuat lawatan di tempat penyembelihan untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang cara pengendalian "Water Stunner" ini.

5.4 Penyembelihan Ayam Dengan Pelalian Water Stunner (MKI, 1988)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22
Tarikh bersidang	24 November 1988
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 Nov 1988 telah membincangkan Penyembelihan Ayam Dengan Pelalian Water Stunner. Muzakarah telah memutuskan bahawa Penggunaan 'Water Stunner' dalam proses penyembelihan ayam adalah harus.

5.5 Penggunaan "Electrical Stunning" Dalam Proses Penyembelihan Lembu (Sarawak, 2011)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-19
Tarikh bersidang	20 Rejab 1432H / 22 Jun 2011M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke 19 pada 20 Rejab 1432H / 22 Jun 2011M sebulat suara memutuskan bahawa sighah keputusan adalah seperti berikut: "Hukum Penggunaan "Electrical Stunning" Dalam Penyembelihan Lembu adalah harus".

5.6 Penggunaan Pneumatic Percussive Stunning Menurut Pandangan Islam (MKI, 2006)

Pihak memutuskan	Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
Tarikh bersidang	13 Mac 2006
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 13 Mac 2006 telah membincangkan Penggunaan Pneumatic Percussive Stunning Menurut Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan Pneumatic Percussive Stunning dalam sembelihan lembu dan binatang halal seumpamanya adalah dibenarkan dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan stunning dalam keadaan tidak retak dan matinya adalah kerana sembelihan.

5.7 Penggunaan Pneumatic Percussive Stunning Menurut Pandangan Islam (Selangor, 2007)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
Tarikh bersidang	2007
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

Penggunaan Pneumatic Percussive Stunning dalam sembelihan lembu dan binatang halal seumpamanya adalah dibenarkan dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan stunning dalam keadaan tidak retak dan matinya adalah kerana sembelihan.

5.8 Cadangan Kajian Semula Keputusan Muzakarah Mengenai Pneumatic Percussive Stunning (MKI, 2012)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-102
Tarikh bersidang	17–19 Disember 2012
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-102 yang bersidang pada 17 hingga 19 Disember 2012 telah membincangkan Cadangan Kajian Semula Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Mengenai Penggunaan Kaedah Sembelihan Pneumatic Percussive Stunning. Muzakarah memutuskan bahawa fatwa terhadap penggunaan pneumatic percussive stunning yang diputuskan pada 13 Mac 2006 iaitu:

"penggunaan Pneumatic Percussive Stunning dalam sembelihan lembu dan binatang halal seumpamanya adalah dibenarkan dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan stunning dalam keadaan tidak retak dan matinya adalah kerana sembelihan"

adalah dikekalkan dan tidak perlu dipinda atau dikaji semula kerana hukum mengenainya adalah jelas dan tiada isu.

Tema 6: Teknik Thoracic Sticking

6.1 Kaedah Thoracic Sticking Dalam Sembelihan Haiwan (MKI, 2005)

Pihak memutuskan	Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
Tarikh bersidang	29 September 2005
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 29 Sep 2005 telah membincangkan Kaedah Thoracic Sticking Dalam Sembelihan Haiwan. Muzakarah telah memutuskan bahawa Kaedah Thoracic Sticking iaitu prosedur tambahan yang digunakan selepas sembelihan adalah dibenarkan dan daging haiwan tersebut adalah halal tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Telah berlaku sembelihan yang sempurna (iaitu telah putus keempat-empat urat Mari', halkum dan wadajain);
2. Kaedah tersebut dijalankan selepas berlaku pendarahan sempurna (complete bleeding) atau selepas 30 saat penyembelihan berlaku;
3. Binatang tersebut disahkan mati akibat sembelihan dan kaedah Thoracic Sticking hanya sekadar membantu mempercepatkan kematian; dan
4. Kaedah ini perlu dikawalselia oleh petugas muslim yang bertauliah.

6.2 Teknik Thoracic Sticking Dalam Penyembelihan (Sarawak, 2016)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-29
Tarikh bersidang	10 Muharam 1438H / 11 Oktober 2016M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke 29 pada 10 Muharram 1438H / 11 Oktober 2016M bersetuju memutuskan berkenaan Teknik Thoracic Sticking Dalam Penyembelihan adalah seperti berikut: Kaedah thoracic sticking iaitu prosedur tambahan yang digunakan selepas sembelihan adalah dibenarkan dan daging haiwan tersebut adalah halal tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. Telah berlaku sembelihan yang sempurna (iaitu putus keempat-empat urat mari', halkum dan wadajain).
ii. Kaedah tersebut dijalankan selepas berlaku pendarahan sempurna (complete bleeding) atau selepas 30 saat penyembelihan berlaku.
iii. Binatang tersebut disahkan mati akibat sembelihan dan kaedah thoracic sticking hanya sekadar membantu mempercepatkan kematian; dan
iv. Kaedah ini perlu dikawalselia oleh petugas muslim yang bertauliah.

Catatan penyusun: Keputusan Sarawak ini menerima pakai syarat yang sama sepenuhnya dengan keputusan Muzakarah Khas MKI 2005, tanpa tambahan atau pengecualian.

BAHAGIAN C — STATUS HAIWAN & HIDUPAN AIR

Tema 7: Haiwan / Ikan Jallalah (Diberi Makan Najis)

7.1 Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal (MKI, 2006)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73
Tarikh bersidang	4–6 April 2006
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) telah memutuskan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya.

7.2 Kepenggunaan Haiwan Jallalah Industri Akuakultur di Malaysia (MKI, 2021)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-119
Tarikh bersidang	7–9 April 2021
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-119 yang bersidang pada 7 hingga 9 April 2021 telah membincangkan mengenai Kepenggunaan Haiwan Jallalah Industri Akuakultur di Malaysia. Muzakarah berpendapat seperti berikut:

i. Haiwan jallalah bermaksud binatang yang dagingnya berbau busuk disebabkan memakan najis dan/atau hidup di persekitaran najis;

ii. Haiwan yang diternak dan dengan sengaja diberikan makan makanan daripada najis 'aini, atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis sama ada najis itu dalam kategori najis mughallazah atau mutawassitah adalah haiwan yang diharamkan daripada dimakan jika tidak dilakukan proses kuarantin;

iii. Kaedah kuarantin haiwan jallalah akuakultur:

   a) Haiwan tersebut perlu diasingkan daripada ruang ternakan asal ke ruang baharu yang bebas daripada elemen najis;

   b) Ketika tempoh kuarantin dilakukan, haiwan tersebut boleh dibiarkan tanpa makan apa-apa makanan, atau diberi makan dengan makanan yang bersih bebas daripada elemen najis; dan

   c) Tempoh umum kuarantin adalah sekurang-kurangnya 3 hari dan hendaklah dipastikan hilang bau busuk. Jika selepas tempoh kuarantin tersebut, masih ada kesan bau busuk najis pada haiwan tersebut, maka tempoh kuarantin perlu ditambah sehingga bau busuk itu hilang.

7.3 Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal (Selangor, 2007)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
Tarikh bersidang	2007
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

(1) Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan daripada najis seperti babi dan bangkai sebagai sumber makanan utama adalah haram dimakan; dan

(2) Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah di samping menjaga sensitiviti umat Islam.

7.4 Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal (Kelantan, 2006)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
Tarikh bersidang	21 Disember 2006
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 21 Disember 2006 telah membincangkan status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal. Mesyuarat telah membuat keputusan bersetuju memfatwakan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan yang berasal daripada daging babi dan anggota-anggotanya yang lain adalah haram dimakan dan para penternak ikan dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan yang berasal daripada daging babi dan anggota-anggotanya sebagai langkah sadd al-zara'i'.

7.5 Status Kesucian Ikan Yang Dipelihara (Negeri Sembilan, 2017)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 06/2017-1438H
Tarikh bersidang	2 Zulhijah 1438H / 24 Ogos 2017M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 06/2017-1438H yang bersidang pada 24 Ogos 2017 bersamaan 2 Zulhijjah 1438H telah bersetuju memutuskan berkenaan Status Kesucian Ikan Yang Dipelihara dengan sighah seperti berikut:

Jumhur menyatakan bahawa “al-Jalalah” bermaksud haiwan yang kebanyakan (majoriti) makanannya daripada najis. Al-Jalalah itu meliputi semua jenis haiwan sama ada unta, lembu, kambing, ayam, itik, ikan atau sebagainya daripada haiwan yang boleh dimakan. Binatang jalalah yang bebas dan memakan sesuatu yang najis adalah makruh untuk dimakan. Manakala binatang jalalah yang dibela atau dikurung serta sengaja diberi makan makanan yang najis adalah haram dimakan. Walaupun begitu, binatang jalalah tersebut harus dimakan apabila ia telah melalui tempoh kuarantin yang munasabah, iaitu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari.

7.6 Status Kesucian Haiwan Ternakan Yang Diberi Makan Najis (Sarawak, 2019)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-33
Tarikh bersidang	20 Rabiulawal 1441H / 17 November 2019M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-33 pada 20 Rabiulawal 1441H bersamaan 17 November 2019M telah memutuskan berkaitan Status Kesucian Haiwan Ternakan Yang Diberi Makan Najis seperti berikut:

i. Status kesucian haiwan ternakan yang diberi makan najis sebagai makanan utama adalah haram dimakan.

ii. Penternak hendaklah memastikan sumber makanan kepada haiwan ternakan adalah daripada sumber yang suci.

iii. Penternak dilarang memberi haiwan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah (سد الذرائع) di samping menjaga sensitiviti umat Islam.

7.7 Status Kesucian Ikan Diberi Makanan Tidak Halal (Wilayah Persekutuan, 2007)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan
Tarikh bersidang	2007
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging babi, bangkai dan sebagainya.

Tema 8: Belangkas

8.1 Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya (MKI, 2011)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-93
Tarikh bersidang	21 Februari 2011
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-93 yang bersidang pada 21 Februari 2011 telah membincangkan Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa tiada nas qat'ie yang mengharamkan manusia memakan belangkas. Pakar Haiwan Hidupan Air menyatakan bahawa belangkas adalah haiwan yang hidup di laut dalam dan hanya naik ke pantai untuk bertelur. Ia adalah sejenis haiwan satu alam yang hidup di laut masin dan sedikit di paya air tawar dan ia tidak boleh kekal hidup di darat kerana bernafas menggunakan insang.

Sehubungan itu, selaras dengan pandangan Jumhur Ulama' yang menyatakan bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan, maka Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum memakan daging/isi dan telur belangkas adalah diharuskan.

8.2 Makan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya (Sarawak, 2011)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-19
Tarikh bersidang	20 Rejab 1432H / 22 Jun 2011M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke-19 pada 20 Rejab 1432H/22 Jun 2011M sebulat suara menerima sighah keputusan seperti berikut:

i. Mesyuarat berpandangan bahawa tiada nas qat'ie yang mengharamkan manusia memakan belangkas. Pakar haiwan Hidupan Air menyatakan bahawa belangkas adalah haiwan yang hidup di laut dan hanya naik ke pantai untuk bertelur. Ia adalah sejenis haiwan satu alam yang hidup di laut masin dan sedikit di paya air tawar dan ia tidak boleh kekal hidup di darat kerana bernafas menggunakan insang.

ii. Sehubungan itu selaras dengan pandangan Jumhur ulama' yang menyatakan bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan, maka mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa: “hukum memakan daging/isi dan telur belangkas adalah diharuskan”.

8.3 Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya (Review) (Kelantan, 2012)

Pihak memutuskan	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
Tarikh bersidang	2012
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Perbincangan mengenai perkara ini dimulakan dengan menilai kertas kerja yang disediakan oleh pihak JAKIM. Mesyuarat dimaklumkan bahawa isu ini telah dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-93 yang bersidang pada 21 Februari 2011. Oleh kerana belangkas sudah menjadi hidangan popular di beberapa kawasan di pantai barat Semenanjung Malaysia, perbincangan mengenai perkara ini perlu dibuat supaya pertanyaan orang ramai mengenai persoalan ini dapat dijawab.

Setelah membincangkan perkara ini mesyuarat bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

(i) Setelah menilai keterangan, hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat berpandangan bahawa tiada nas qat'ie yang mengharamkan manusia memakan belangkas. Pakar haiwan hidupan air menyatakan bahawa belangkas adalah haiwan yang hidup di laut dalam dan hanya naik ke pantai untuk bertelur. Ia adalah sejenis haiwan satu alam yang hidup di laut masin dan sedikit di paya air tawar dan ia tidak boleh kekal hidup di darat kerana bernafas menggunakan insang.

(ii) Sehubungan itu, selaras dengan pandangan Jumhur Ulama' yang mengatakan bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan, maka mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa hukum memakan daging/isi dan telur belangkas adalah diharuskan.

Tema 9: Sarang Burung Layang-layang (Walit)

9.1 Hukum Memakan Sarang Burung Layang-Layang (MKI, 2007)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79
Tarikh bersidang	6–8 September 2007
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6–8 September 2007 telah membincangkan Hukum Memakan Sarang Burung Layang-Layang. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum memakan sarang burung layang-layang adalah harus.

9.2 Pendapat Mengenai Makanan "Sarang Burung Layang-Layang" (Negeri Sembilan, 2005)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan
Tarikh bersidang	19 Rejab 1426H / 24 Ogos 2005M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa pada 19 Rejab 1426H bersamaan 24 Ogos 2005 membuat dan mengeluarkan keputusan berikut:

i. Sarang burung layang-layang adalah halal dimakan oleh orang Islam. Ianya diqiaskan seperti lebah dan madu lebah.

ii. Beberapa orang ulama turut menghalalkan memakannya seperti Muhammad bin Alawi al-Maliki dan Sahibus Samahah Abdul Aziz, Mufti Fatani.

iii. Bagi mengeluarkan sijil logo halal kepada pengeluar produk sarang burung layang-layang, pihak Bahagian Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan hendaklah memastikan cara pembersihan sarang burung layang-layang tersebut mengikut hukum syarak.

9.3 Hukum Sarang Burung (Sarawak, 2007)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-12
Tarikh bersidang	4 Zulkaedah 1428H / 14 November 2007M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke Dua Belas, yang bersidang pada 4 Zulkaedah 1428H/14 November 2007M telah membincangkan mengenai Hukum Sarang Burung dan telah membuat keputusan seperti berikut:

"Hukum sarang burung adalah halal dan harus dimakan selagi ianya tidak bercampur dengan benda-benda najis. Dan hukum jual/beli dengannya adalah harus dan sah."

9.4 Hukum Mengenai Duit Hasil Perusahaan Sarang Burung Walit (Kedah, 2010)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah
Tarikh bersidang	29 November 2010
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bermesyuarat pada 29 November 2010 bersetuju dengan keputusan yang telah disepakati dalam Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-79 pada 6 hingga 8 September 2007 yang telah memutuskan bahawa hukum memakan sarang adalah harus. Sehubungan itu, pendapatan yang diperolehi daripada sumber perusahaan sarang burung juga adalah harus.

Tema 10: Haiwan Eksotik — Ternakan Rusa

10.1 Hukum Zakat, Korban dan Aqiqah ke atas Ternakan Rusa (MKI, 1993)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-32
Tarikh bersidang	10–11 Jun 1993
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-32 yang bersidang pada 10–11 Jun 1993 telah membincangkan Hukum Zakat, Korban dan Aqiqah ke atas Ternakan Rusa. Muzakarah telah memutuskan bahawa rusa tidak diwajibkan zakat dan tidak boleh dijadikan binatang korban dan aqiqah. Jika sekiranya diperniagakan, maka dikenakan zakat perniagaan dengan kadar 2.5%.

Tema 11: Status Halal Hidupan Air / Haiwan Tertentu (Keputusan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak)

11.1 Hukum Penghasilan Dan Pengambilan Produk Udang Galah Neo (Macrobrachium rosenbergii) (Sarawak, 2023)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-41
Tarikh bersidang	30 Rabiulakhir 1445H / 14 November 2023M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Udang Galah Neo atau nama saintifiknya Macrobrachium rosenbergii adalah spesies hidupan air yang sentiasa mempunyai permintaan tinggi daripada penggemarnya selain berpotensi besar untuk pasaran tempatan dan luar negara. Udang Galah Neo ini menggunakan kaedah monoseks. Monoseks berasal dari dua kata iaitu mono yang bermaksud satu/ tunggal dan seks yang ertinya jenis kelamin. Jadi monoseksual bererti jenis kelamin satu/ tunggal/ sama. Monoseks merujuk kepada sama ada keseluruhan populasi semua jantan atau betina.

Secara asasnya, hukum Udang Galah Neo adalah halal dimakan dan ia telah terbukti mampu memberi pelbagai kebaikan kepada keperluan hidup manusia. Hukum tersebut adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

1. Prinsip haiwan halal: Jika diperhatikan, proses ubah suai sifat Udang Galah Neo daripada sifat biasa kepada sifat yang lebih besar adalah bersifat teknologi semata-mata tanpa terdapat di dalamnya bahan-bahan yang diharamkan. Bukan sekadar itu sahaja, udang galah itu sendiri telah dihalalkan oleh Islam menerusi mazhab Syafi'i tanpa sebarang khilaf. Kesemua proses teknologi yang berlaku dalam menghasilkan Udang Galah Neo ini juga menepati prinsip haiwan halal yang telah ditetapkan oleh syarak. Justeru, para saintis perlu amanah dalam hal ini selain memastikan proses-proses baharu untuk menghasilkan produk-produk makanan baharu untuk turut dikawal selia oleh para fuqaha. Semua itu bertujuan untuk memastikan produk makanan umat Islam tidak dipermainkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

2. Prinsip penyembelihan: Udang Galah Neo adalah haiwan air yang halal dimakan tanpa perlu kepada proses penyembelihan sebagaimana dilakukan kepada haiwan darat. Proses penghasilan udang tersebut juga tidak menggunakan bahan-bahan daripada haiwan darat sama ada yang hidup atau yang telah mati. Maka hukum kehalalannya adalah lebih terjamin kerana bahan-bahan yang dimasukkan kepada Udang Galah Neo tidak melibatkan haiwan darat. Oleh yang demikian, makanan berasaskan Udang Galah Neo adalah halal dimakan selagi tiada sebarang bukti yang menunjukkan ia terhasil daripada sumber haiwan yang tidak disembelih dan najis dimakan.

3. Prinsip tidak bersumberkan najis: Setelah analisis dilakukan ke atas proses penghasilan Udang Galah Neo ini, didapati tiada sebarang najis sama ada daripada haiwan atau sebagainya yang telah bercampur di dalam DNA-nya. Oleh itu, ia halal dimakan kerana menepati prinsip ini.

4. Prinsip istihalah tammah: Udang Galah Neo yang dimasukkan ke dalamnya bahan kimia telah berjaya dihasilkan bagi tujuan meningkatkan kualiti saiz yang lebih besar berbanding asal. Tidak cukup sekadar itu sahaja, tetapi proses untuk menghasilkannya telah mengubah banyak sifat fizikal dan ia tidak diklasifikasikan oleh para saintis sebagai haiwan najis atau memudaratkan

kepada manusia. Bahkan telah terbukti ia suci dan boleh dijadikan makanan yang selamat. Kajian juga membuktikan bahawa proses istihalah tammah telah berlaku secara menyeluruh walaupun pada asalnya ia tidak bernajis dan hanya menggunakan bahan kimia. Maka tepatlah kaedah fiqh yang menegaskan hal ini:

استحالة الأحكام باستحالة الأسماء، واستحالة الأسماء باستحالة الصفات

Maksudnya: "Perubahan sesuatu hukum dalam sesuatu bahan (makanan dan minuman) bergantung kepada perubahan nama. Perubahan yang berlaku pada nama bahan tersebut pula bergantung pada perubahan sifatnya." (Ibnu Hazm, 1990)

5. Prinsip maslahah dan mafsadah: Setelah kajian membuktikan bahawa Udang Galah Neo ini mampu untuk menambah kualiti sifat udang galah sedia ada, maka para ulama bersepakat menghalalkannya selagi ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Apatah lagi apabila didapati keperluan manusia kepada udang galah yang semakin kecil saiznya manakala harganya sangat lumayan. Bagi mengatasi masalah ini, para saintis telah berusaha sedaya upaya untuk menghasilkan Udang Galah Neo yang terhasil daripada ubah suai sifat asal udang galah jantan hingga ia dapat bertelur dan menghasilkan Udang Galah Neo yang besar saiznya dan lebih berkualiti. Berdasarkan kepada kenyataan dan bukti saintifik di atas, jelas menunjukkan bahawa penghasilan Udang Galah Neo berkenaan memberikan maslahah dan tidak mendatangkan mafsadah.

Kesimpulan: Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-41 pada 30 Rabi'ul Akhir 1445 bersamaan 14 November 2023 telah memutuskan bahawa hukum penghasilan produk Udang Galah Neo (Macrobrachium rosenbergii) adalah diharuskan dan halal dimakan selagimana ia dihasilkan dengan menggunakan bahan dan medium yang halal.

11.2 Hukum Makan Temilok Dan Yang Berkaitan Dengannya (Sarawak, 2012)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-20
Tarikh bersidang	1 Rabiulakhir 1433H / 23 Februari 2012M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-20 telah bersidang pada 1 Rabiulakhir 1433H/ 23 Februari 2012M sebulat suara menerima sighah penjelasan hukum seperti berikut:-

Menurut pendapat Jumhur (Ulama Mazhab Syafi'e, Hanafi, Maliki dan Hanbali) bahawa haiwan yang tinggal di dalam air semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Fathir ayat 12 dan Surah Al-Maidah ayat 96.

1. Berdasarkan hadith Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh At-Tarmizi juga menjelaskan bahawa Allah SWT tidak membezakan antara haiwan hidupan laut yang dinamakan oleh manusia sebagai ikan semata-mata tetapi termasuk juga babi laut yang tidak membawa maksud kepada babi yang ada.

2. Ini menunjukkan bahawa dalil-dalil di atas menyokong semua jenis hidupan laut sama ada ditangkap atau diambil semasa hidup mahu pun mati adalah halal dimakan dan sama ada mati terapung atau pun mati sebaliknya.

3. Sehubungan itu, selaras dengan pandangan Jumhur Ulama' yang menyatakan bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan termasuklah Temilok.

11.3 Hukum Memakan Ngowang @ Mud Lobster (Thalassina anomala) (Sarawak, 2018)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-31
Tarikh bersidang	24 Mei 2018
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Rumusan daripada perbincangan ini maka Lembaga Fatwa Sarawak telah memutuskan:

1. Ngowang (Thalassina anomala) adalah daripada spesis crustacean iaitu haiwan bercengkerang seperti ketam dan udang. Ia merupakan hidupan air dan bernafas melalui insang.
2. Menurut pendapat Jumhur (ulama Mazhab al-Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali) bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan.
3. Firman Allah SWT dalam surah Fathir ayat 12 dan al-Maidah ayat 96 juga menunjukkan bahawa haiwan yang hidup di laut adalah halal dimakan.
4. Allah SWT tidak membezakan antara haiwan hidupan laut yang dinamakan oleh manusia sebagai ikan semata-mata tetapi termasuk juga khinzir laut yang tidak membawa maksud kepada khinzir yang ada. Berdasarkan hadis Nabi SAW pula: Maksudnya: Laut airnya suci dan menyucikan dan bangkainya adalah halal. (Hadis Riwayat al-Tirmizi, no: 69)
5. Ini menunjukkan bahawa dalil-dalil di atas menyokong semua jenis hidupan laut samada ditangkap/diambil semasa hidup mahu pun mati adalah halal dimakan dan samada juga mati terapung atau pun mati sebaliknya.

11.4 Hukum Makan Lelitak @ Onch Slug (Sarawak, 2020)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-34
Tarikh bersidang	21 Rejab 1441H / 16 Mac 2020M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-34 yang bersidang pada 21 Rejab 1441 bersamaan 16 Mac 2020 telah memutuskan bahawa: Lelitak atau pun kelitak bukan hidupan laut yang bergantung sepenuhnya dengan air untuk hidup dan ia merupakan haiwan yang tidak mengalir darahnya dan ianya dikategorikan sebagai khabais dan tidak halal untuk dimakan.

11.5 Hukum Memelihara Dan Berjual Beli Dengan Cicak Gekko gecko (Tokay) Bagi Tujuan Perubatan Dan Makanan (Sarawak, 2012)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-20
Tarikh bersidang	1 Rabiulakhir 1433H / 23 Februari 2012M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-20 yang bersidang pada 1 Rabiulakhir 1433 bersamaan 23 Februari 2012 telah memutuskan bahawa:

1. Fuqaha' telah mengklasifikasikan Cicak Gekko Gecko (Tokay) sebagai binatang yang haram dimakan kerana tergolong dalam kategori haiwan yang menjijikkan (khabis) dan mempunyai racun. Begitu juga dengan uruf masyarakat Islam di Malaysia yang tidak menjadikan binatang ini sebagai makanan yang biasa dimakan. Selain itu, sehingga kini tidak ada bukti saintifik dan ujian klinikal yang membuktikan bahawa Cicak Gekko Gecko (Tokay) mampu menjadi penawar atau mengubati penyakit-penyakit tertentu.

2. Hukum memakan Cicak Gekko Gecko (Tokay) adalah diharamkan oleh Islam. Manakala untuk tujuan perubatan, penggunaan Cicak Gekko Gecko (Tokay) diharuskan dengan syarat keberkesanannya dapat dibuktikan dari segi saintifik dan tiada alternatif ubat lain yang boleh digunakan bagi merawat penyakit berkaitan.

11.6 Hukum Memakan Ulat Mulong (Ulat Sagu) Dan Yang Berkaitan Dengannya (Sarawak, 2012)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-20
Tarikh bersidang	1 Rabiulakhir 1433H / 23 Februari 2012M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali ke 20 pada 1 Rabiulakhir 1433H/ 23 Februari 2012M sebulat suara menerima hukum seperti berikut:

a. Islam menganjurkan umatnya memakan makanan yang halal dan baik berdasarkan firman Allah S.W.T. di dalam surah al-A'raf ayat 157.

b. Dalam mengkategorikan sesuatu itu jijik fuqaha menentukannya berdasarkan uruf masyarakat setempat. Oleh kerana masyarakat Islam Malaysia mengkategorikan bahawa ulat adalah dari haiwan yang menjijikkan (khabis) dan kotor termasuklah juga Ulat Mulong.

c. Fuqaha tidak mengharuskan berjual beli barang yang tidak suci dan tiada manfaat yang dapat diperolehi dari barang yang dijual dan sebaliknya.

d. Islam menggalakkan umatnya agar berikhtiar menyembuhkan setiap penyakit yang dihidapi tanpa membiarkannya melarat. Bahkan Islam mengharuskan umatnya untuk membuat pilihan dengan mana-mana kaedah rawatan yang bersesuaian sama ada secara moden ataupun alternatif selagimana rawatan tersebut tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh Islam seperti larangan berubat dengan bahan-bahan yang haram dan mengandungi najis.

Catatan penyusun: Ulat mulong (juga dikenali sebagai ulat sagu atau ulat rumbia) ialah larva kumbang yang hidup dalam batang pokok sagu/rumbia.

Tema 12: Pemeliharaan dan Penggunaan Anjing

12.1 Hukum Pemeliharaan Anjing Sebagai Haiwan Peliharaan Oleh Orang Islam (Pulau Pinang, 2017)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2017
Tarikh bersidang	14–15 Ogos 2017
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2017 yang bersidang pada 14 dan 15 Ogos 2017 telah membincangkan mengenai Hukum Pemeliharaan Anjing Sebagai Haiwan Peliharaan Oleh Orang Islam. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Hukum memelihara anjing di rumah oleh orang Islam sebagai haiwan peliharaan (pet) adalah haram melainkan untuk tujuan muktabar yang termasuk dalam keperluan dan kemaslahatan. Antaranya adalah untuk tujuan:

   (i) Perburuan; anjing yang digunakan bukanlah anjing "comel" dijadikan "teman" untuk bermanja, tetapi anjing yang garang atau tahan lasak dan sesuai dijadikan untuk berburu. Walau bagaimanapun, Islam hanya membenarkan perburuan adalah untuk mendapatkan makanan, bukan memburu kerana sukan, suka-suka dan berseronok-seronok kerana Islam tidak membenarkan haiwan dibunuh atau diseksa atau diusir dari tempat yang lazim mereka tinggal, hanya untuk suka-suka;

   (ii) Anjing pemandu jalan; untuk dijadikan anjing pemandu jalan seperti untuk orang buta sekiranya amat memerlukan dan tiada orang lain yang dapat membantu;

   (iii) Keselamatan; untuk tujuan keselamatan pihak berkuasa seperti Polis dan Kastam, dan juga untuk mengawal keselamatan di sekitar rumah;

   (iv) Membantu penternakan haiwan.

2. Perbuatan memegang anjing secara sengaja, tanpa sebarang sebab yang dibenarkan dalam Islam akan menimbulkan keresahan di kalangan umat Islam kerana ianya bercanggah dengan pegangan mazhab dan uruf di Malaysia. Menurut mazhab syafie, umat Islam adalah dilarang menyentuh anjing secara sengaja kerana menajiskan diri tanpa tujuan yang munasabah adalah haram di sisi Islam.

3. Walaupun Islam meletakkan kaedah sertu apabila terkena najis yang dikategorikan sebagai mughallazah namun kaedah tersebut bukanlah alasan untuk membolehkan seseorang itu memegang najis mughallazah secara sengaja. Tindakan tersebut samalah seperti orang yang sengaja melakukan dosa dengan alasan akan bertaubat kemudiannya.

4. Perbuatan mana-mana orang Islam yang memelihara anjing sebagai haiwan peliharaan (pet) akan disalah tafsir dan dilihat seolah-olah cuba mencipta budaya baru yang boleh membawa kepada perbuatan menghina agama Islam. Oleh yang demikian, mereka perlu segera meninggalkan perbuatan tersebut dan kembali bertaubat kepada Allah.

5. Justeru, umat Islam dinasihatkan agar tidak menjadikan anjing sebagai haiwan peliharaan. Ini kerana Islam mewajibkan umatnya untuk memelihara kesucian diri, pakaian dan tempat tinggal agar ia tidak menjejaskan amal ibadah seharian.

12.2 Fatwa Berkaitan Muslim Yang Berurusan Dengan Anjing (Perlis, 2021)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-54/2021 (Bil. 1/54 Tahun 2021)
Tarikh bersidang	1–2 Safar 1443H / 8–9 September 2021M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

1. Muslim boleh menggunakan anjing atas keperluan syar'ie iaitu untuk membantu urusan kehidupan seperti memburu, menjaga ternakan, mengesan jenayah atau barang dan seumpamanya. Keizinan ini bersumberkan al-Quran dan Sunnah.

2. Memelihara anjing tanpa keperluan syar'ie dalam urusan kehidupan adalah dilarang. Ini disebabkan kesan najis, hospitaliti, gangguan ibadah, hubungan antara keluarga, kejiranan dan seumpamanya. Terdapat hadis sahih yang melarang perkara ini.

3. Menjadi doktor haiwan (Veterinar) yang merawat anjing bukan satu kesalahan bahkan ia satu perbuatan yang baik. Dalam hadis yang sahih menyebut seorang pelacur diampuni oleh Allah kerana memberi minum kepada anjing.

4. Menjadi jurulatih yang mengajar anjing seperti untuk memburu, mengesan barangan, penjenayah dan seumpamanya adalah merupakan pekerjaan yang syar'ie seperti yang terdapat dalam surah al-Maidah ayat 4.

5. Ulama fekah (fuqaha) berbeza pendapat tentang sentuhan anjing yang basah. Antara pandangan utama mazhab-mazhab tersebut ialah:

    a) Sentuhan anjing yang basah atau lembab wajib dibasuh tujuh kali iaitu enam kali air mutlak dan satu kali air tanah.

    b) Jilatan anjing sahaja yang wajib dibasuh sebanyak tujuh kali tersebut.

    c) Basuhan sebanyak tujuh kali tersebut tidak diwajibkan tetapi berpahala jika melakukannya.

6. Oleh kerana nas hadis menyebut jilatan anjing hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali termasuk satu kali air tanah, maka menghadkan kewajipan tersebut kepada jilatan anjing sahaja adalah pendapat yang dipilih dalam fatwa ini. Pendapat ini telah disebutkan oleh al-Mutawalli dan al-Rafi'ie dalam mazhab Syafi'ie dan dianggap kuat oleh al-Imam al-Nawawi di dalam al-Majmu'.

7. Justeru, jika diyakini jilatan anjing terkena pada bekas, diri, pakaian, tempat atau apa-apa barangan hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali termasuk salah satunya dengan air tanah. Bahan-bahan pencuci lain sebagai gantian bagi air tanah hanya boleh digunakan jika penggunaan air tanah boleh mendatangkan kerosakan, kerugian harta atau ketiadaan tanah.

8. Kewajiban membasuh barangan yang terkena najis anjing ini jika barangan terbabit hendak digunakan bagi tujuan ibadah atau untuk kegunaan makan dan minum.

9. Jika sentuhan itu berlaku dalam keadaan kering pada yang menyentuh dan yang disentuh maka hukum basuhan tersebut tidak diwajibkan berdasarkan kesepakatan ulama.

10. Adapun anjing yang memudaratkan manusia boleh dilupuskan. Ia termasuk dalam senarai haiwan yang boleh dibunuh yang disebut dalam hadis sahih.

Diperakukan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis Bil 4 / 2021 pada 14 September 2021.

BAHAGIAN D — PENGGUNAAN UNSUR/BAHAN HAIWAN, NAJIS & PENYUCIAN

Tema 13: Berus Bulu Khinzir

13.1 Hukum Penggunaan Bulu Babi (MKI, 1985)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-12
Tarikh bersidang	22–23 Januari 1985
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) telah memutuskan bahawa penggunaan berus yang diperbuat daripada bulu babi adalah haram. Sekiranya tidak pasti sama ada berus tersebut daripada bulu babi atau tidak maka harus digunakan.

Tema 14: Bulu Binatang Halal sebagai Ramuan Makanan (Vitamin D3)

14.1 Hukum Penggunaan Bulu Binatang Yang Halal Dimakan Sebagai Ramuan Makanan (MKI, 2010)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-90
Tarikh bersidang	1 Mac 2010
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-90 yang bersidang pada 1 Mac 2010 telah membincangkan Hukum Penggunaan Bulu Binatang Yang Halal Dimakan Sebagai Ramuan Makanan. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan vitamin D3 yang terhasil daripada bulu binatang yang halal dimakan adalah harus sama ada ia diambil semasa hidup atau selepas disembelih mengikut hukum syarak.

Keterangan/Hujah:

1. Bulu kambing yang diambil untuk dijadikan vitamin D3 adalah diperolehi dengan cara bercukur atau memotong bulu binatang tersebut ketika ia masih hidup.
2. Bulu kambing adalah satu-satunya sumber untuk mendapatkan vitamin D3. Sehingga kini belum ditemui sumber yang lain selain kambing biri-biri untuk mendapatkan vitamin D3.
3. Proses penghasilan vitamin D3 dimulakan daripada pengekstrakan bahan dinamakan lanolin, sejenis bahan berlemak (wax) daripada bulu kambing yang melalui proses pengikisan (scouring process) dengan menggunakan bahan alkali dan pengemparan.
4. Berdasarkan kepada konsep asas (asal sesuatu iaitu adalah harus), penggunaan bulu binatang yang halal yang diambil semasa hidupnya adalah harus selagi ia dihukum suci, bersih disisi syarak dan tidak memudharatkan.

5. Mengikut fatwa Mufti Kerajaan Brunei Bulu binatang yang halal dimakan seperti kambing biri-biri, ayam, arnab, dan lain-lain yang diambil daripada badannya semasa ia masih hidup, sama ada dengan cara mencukur, menggunting, mencabut atau tercabut dengan sendirinya adalah suci.

6. Berhubung penggunaan bulu daripada binatang yang halal untuk dijadikan sebagai bahan ramuan makanan atau untuk kegunaan yang lain, para fuqaha' bersepakat bahawa adalah jelas tentang halalnya penggunaan bulu sebagaimana yang disebut oleh Dr. Wahbah Zuhaili bahawa ijma' ulama' bersetuju tentang kesucian bulu yang diambil dari binatang yang halal dimakan dagingnya sama ada diambil selepas disembelih atau semasa hidupnya. Ijmak ulamak ini adalah berdasarkan kepada umum ayat Al-Quran Surah An-Nahl, ayat 80 tentang kesucian bulu binatang sama ada ianya diambil selepas disembelih atau semasa hidupnya untuk kegunaan manusia.

7. Dalam kes D3 ini manfaatnya bukan diambil dari gentian bulu tersebut tetapi dari sejenis lilin yang terdapat pada bulu biri-biri tersebut. Dalam kes seumpama ini juga ulama' menyatakan keharusannya sebagaimana ulamak menyatakan bahawa bulu binatang adalah suci, dan apa yang ada pada lazimnya pada bulu binatang itu juga adalah suci.

8. Pandangan Jumhur Ulama' adalah jelas bahawa setiap perkara yang jamad adalah suci melainkan terdapat dalil yang jelas tentang pengharamannya.

Tema 15: Anggota / Unsur Haiwan Haram (Selain Anjing & Babi) untuk Kosmetik

15.1 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (MKI, 2006)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74
Tarikh bersidang	25–27 Julai 2006
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Islam amat menitikberatkan kebersihan. Namun, produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan, tetapi sekiranya ia mendatangkan mudharat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam.

2. Oleh itu, sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberi kemudharatan kepada manusia adalah haram digunakan.

15.2 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (Selangor, 2006)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
Tarikh bersidang	2 Oktober 2006
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan seperti berikut:

1. Islam menitikberatkan kebersihan namun produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan, tetapi sekiranya ia mendatangkan mudharat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam.

2. Oleh itu, sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberi kemudharatan kepada manusia adalah haram digunakan.

15.3 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (Sabah, 2008)

Pihak memutuskan	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2008
Tarikh bersidang	23–24 Jamadilawal 1429H / 28–29 Mei 2008M
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah, Bil. 1/2008 telah bersidang pada 28 – 29 Mei 2008M / 21 – 22 Jamadilawal 1429H, bertempat di Pavilion Hall, Hotel Tang Dynasty Park, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Islam amat menitikberatkan kebersihan. Namun, produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan, tetapi sekiranya ia mendatangkan mudharat, maka penggunaannya adalah diharamkan oleh Islam.

2. Oleh itu, sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberi kemudharatan kepada manusia adalah haram digunakan.

15.4 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (Negeri Sembilan, 2018)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 07/2018
Tarikh bersidang	16 Safar 1440H / 25 Oktober 2018M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 07/2018 yang bersidang pada 25 Oktober 2018 bersamaan 16 Saffar 1440H telah bersetuju memutuskan bahawa:

1. Islam amat menitikberatkan kebersihan. Namun produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan, tetapi sekiranya ia mendatangkan mudharat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam.
2. Sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan selain anjing dan babi atau yang memberi kemudharatan kepada manusia adalah haram digunakan.
3. Kulit binatang yang haram dimakan tetapi telah disamak kecuali anjing dan babi harus digunakan untuk tujuan kosmetik.

Tema 16: Minyak Ikan

16.1 Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya (MKI, 2015)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-107
Tarikh bersidang	10–11 Februari 2015
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-107 yang bersidang pada 10 - 11 Februari 2015 membincangkan Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa kandungan isi perut ikan adalah antara hukum yang tidak disebut secara jelas mengenainya sama ada dalam al-Quran ataupun Sunnah Rasulullah S.A.W. Ibn Hajar, Ziyad, al-Ramli dan lain-lain telah bersepakat bahawa apa-apa yang ada dalam perut ikan yang kecil sama ada darah atau najis adalah suci dan boleh dimakan serta tidak dianggap najis, bahkan al-Ramli berpendapat, hukum tersebut berlaku juga kepada ikan yang besar.
2. Sekiranya ia dihukum bersih, syarak menetapkan hukum memakannya bergantung pula pada pandangan pakar perubatan yang dipercayai sama ada ia boleh memudharatkan ataupun tidak. Sekiranya mudharat maka tidak boleh dimakan kerana memberi kesan pada kesihatan, begitulah sebaliknya.
3. Sehubungan itu, berdasarkan masyaqqah yang perlu dihadapi untuk memproses ikan dalam kuantiti yang banyak sehingga terlalu sukar untuk dibuang kandungan isi perut ikan satu persatu,

dan realiti semasa industri komersil pemprosesan minyak ikan pada masa ini yang perlu mematuhi standard dan piawaian yang ketat bagi memastikan ianya bersih dan selamat digunakan, serta dengan mengambilkira kepentingan, manfaat dan kegunaan minyak ikan kepada kesihatan manusia, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa minyak ikan yang diproses secara komersial dalam kuantiti yang melibatkan beribu-ribu tan ikan tanpa dibuang perut atau najisnya adalah suci dan halal dimakan.

16.2 Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya (Selangor, 2015)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) Kali Ke-1/2015
Tarikh bersidang	12 Jamadilawal 1436H / 3 Mac 2015M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) kali ke-1/2015 yang bersidang pada 3 Mac 2015 bersamaan 12 Jumadal Ula 1436H memutuskan bahawa:

Minyak ikan yang diproses dalam kuantiti yang melibatkan beribu-ribu tan ikan tanpa dibuang perut dan tahinya adalah harus dimakan.

16.3 Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya (Negeri Sembilan, 2015)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 07/2015
Tarikh bersidang	16 Zulhijah 1436H / 30 September 2015M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 07/2015-1436H yang bersidang pada 30 September 2015 bersamaan 16 Zulhijjah 1436H telah bersetuju memutuskan untuk menerima keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan Kali Ke-107 berkenaan Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut dan Najisnya dengan sighah seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa kandungan isi perut ikan adalah antara hukum yang tidak disebut secara jelas mengenainya sama ada dalam al-Quran ataupun Sunnah Rasulullah SAW. Ibn Hajar, Ziyad, al-Ramli dan lain-lain telah bersepakat bahawa apa-apa yang ada dalam perut ikan yang kecil sama ada darah atau najis adalah suci dan boleh dimakan serta tidak dianggap najis, bahkan al-Ramli berpendapat, hukum tersebut berlaku juga kepada ikan yang besar.

2. Sekiranya ia dihukum bersih, syarak menetapkan hukum memakannya bergantung pula pada pandangan pakar perubatan yang dipercayai sama ada ia boleh memudaratkan ataupun tidak. Sekiranya mudarat maka tidak boleh dimakan kerana memberi kesan pada kesihatan, begitulah sebaliknya.

3. Sehubungan itu, berdasarkan masyaqqah yang perlu dihadapi untuk memproses ikan dalam kuantiti yang banyak sehingga terlalu sukar untuk dibuang kandungan isi perut ikan satu persatu, dan realiti semasa industri komersial pemprosesan minyak ikan pada masa ini yang perlu

mematuhi standard dan piawaian yang ketat bagi memastikan ianya bersih dan selamat digunakan, serta dengan mengambil kira kepentingan, manfaat dan kegunaan minyak ikan kepada kesihatan manusia, dan dengan itu Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa minyak ikan yang diproses secara komersial dalam kuantiti yang melibatkan beribu-ribu tan ikan tanpa dibuang perut atau najisnya adalah suci dan halal dimakan.

16.4 Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Dan Najisnya (Johor, 2016)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor
Tarikh bersidang	6 Jamadilakhir 1437H / 15 Mac 2016M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor telah membuat keputusan seperti berikut:

"Kandungan isi perut ikan adalah antara hukum yang tidak disebut secara jelas mengenainya sama ada dalam al-Quran ataupun hadis Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Ibn hajar, Ziad, ar-Ramli dan lain-lain telah bersepakat bahawa apa-apa yang ada di dalam perut ikan yang kecil sama ada darah atau najis adalah suci dan boleh dimakan serta tidak dianggap najis, bahkan ar-Ramli berpendapat, hukum tersebut juga berlaku kepada ikan besar.

Sekiranya ia dihukum bersih, syara' menetapkan hukum memakannya bergantung pula kepada pandangan pakar perubatan yang dipercayai sama ada ia boleh memudaratkan ataupun tidak. Sekiranya memudaratkan, maka tidak boleh dimakan kerana memberi kesan pada kesihatan, begitulah sebaliknya.

Justeru berdasarkan masyaqqah yang perlu dihadapi untuk memproses ikan dalam kuantiti yang banyak sehingga terlalu sukar untuk dibuang kandungan isi perut ikan tersebut satu persatu, dan realiti semasa industri komersial pemprosesan minyak ikan pada masa ini yang perlu mematuhi standard dan piawaian yang ketat bagi memastikan ianya selamat dan bersih digunakan, serta dengan mengambil kira kepentingan, manfaat dan kegunaan minyak ikan kepada kesihatan manusia, maka minyak ikan yang diproses secara komersial dalam kuantiti yang melibatkan beribu ribu tan ikan tanpa dibuang perut atau najisnya adalah suci dan halal dimakan".

16.5 Hukum Penghasilan Produk Minyak Ikan (Crude Fish Oil) Daripada Sisa Ikan Mentah (MKI, 2020)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-117
Tarikh bersidang	25–29 Ogos 2020
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-117 yang bersidang pada 25 hingga 29 Ogos 2020 telah membincangkan mengenai Hukum Penghasilan Produk Minyak Ikan (Crude Fish Oil) daripada Sisa Ikan Mentah. Muzakarah telah memutuskan bahawa Penghasilan crude fish oil daripada sisa ikan mentah adalah diharuskan dengan syarat penggunaan

crude fish oil tersebut perlu melalui proses penyulingan dan penyucian yang bersesuaian dan selamat untuk kegunaan manusia sebelum digunakan untuk penyediaan makanan.

Tema 17: Plasma Darah dalam Makanan

17.1 Hukum Plasma Darah Dalam Makanan Menurut Perspektif Islam (MKI, 2020)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-117
Tarikh bersidang	25–29 Ogos 2020
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-117 yang bersidang pada 25 hingga 29 Ogos 2020 telah membincangkan mengenai Hukum Plasma Darah dalam Makanan Menurut Perspektif Islam. Muzakarah berpendapat seperti berikut:

i. Penggunaan darah mengalir dalam segala jenis makanan atau minuman adalah haram secara ijmak.

ii. Penggunaan plasma darah dalam produk makanan dan minuman semasa adalah haram berdasarkan hujah-hujah berikut:

a. Tidak berlaku sebarang proses istihalah tammah dalam penggunaan plasma darah. Produk makanan yang mengandungi plasma darah tidak menepati konsep istihalah kerana walaupun telah melalui proses perubahan tetapi ia tidak berlaku secara sempurna. Ini kerana plasma darah masih boleh dikesan pada produk akhir walaupun telah melalui proses perubahan kimia.

b. Penggunaan plasma darah dalam makanan atau minuman tidak sampai ke tahap mendesak atau darurat.

Kaedah fiqh yang terkait dengan keadaan darurat ialah:

الضرورات تبيح المحظورات

Maksudnya:- Darurat mengharuskan perkara yang dilarang (Ibn Nujaym 1999)

Berdasarkan kaedah fiqh yang dibincangkan, jelas bahawa makanan yang mengandungi plasma darah hanya boleh dimakan atau dimanfaatkan ketika berada dalam keadaan benar-benar darurat sahaja namun tidak boleh sewenangnya diamalkan. Penggunaan plasma darah dalam produk makanan pada masa kini tidak mencapai tahap yang boleh dianggap sebagai darurat.

c. Masih terdapat alternatif daripada sumber protein selain plasma darah. Sumber protein dalam makanan boleh diganti daripada sumber lain seperti gelatin halal dan protein tambahan.

Tema 18: Gelatin / Kapsul Ubat Berasaskan Gelatin (Keadaan Darurat)

18.1 Gelatin Dalam Ubat / Hukum Penggunaan Kapsul Ubat Berasaskan Gelatin Babi Dalam Keadaan Darurat (MKI, 1984)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8
Tarikh bersidang	24–25 September 1984
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang Kali Ke-8 di Bilik Mesyuarat, Bangunan Berjaya Kota Kinabalu, Sabah pada 24 - 25 September 1984 telah membincangkan isu Gelatin Dalam Ubat dan telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

"Penggunaan gelatin dalam ubat pada masa sekarang adalah diharuskan kerana dharurat. Sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan gelatin dalam ubat tidaklah lagi diharuskan".

Tema 19: Lintah dan Cacing (Perubatan & Kosmetik)

19.1 Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik (MKI, 2008)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81
Tarikh bersidang	31 Mac 2008
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik. Muzakarah telah memutuskan bahawa menggunakan lintah dan cacing dalam perubatan dan sebagai bahan kosmetik adalah harus, dan hukum menternak atau berjual beli atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan tersebut juga adalah harus.

19.2 Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik (Selangor, 2011)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor
Tarikh bersidang	16 Mac 2011
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

1. Menurut urf, lintah dan cacing merupakan haiwan yang tidak halal dimakan kerana termasuk dalam kategori haiwan al-khabaith (jijik);
2. Hukum berjual beli atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan tersebut adalah harus di sisi syara'; dan
3. Menggunakan lintah dan cacing sebagai salah satu kaedah perubatan dan bahan kosmetik adalah harus.

19.3 Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik (Wilayah Persekutuan, 2008)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan
Tarikh bersidang	18 November 2008
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

Menurut subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505), Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, setelah berbincang dengan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, membuat fatwa

Hukum Menggunakan, Menternak dan Berjual Beli Lintah dan Cacing

1. Hukum menggunakan lintah dan cacing dalam perubatan dan sebagai bahan dalam kosmetik adalah harus
2. Hukum menternak dan berjual beli lintah dan cacing atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan tersebut adalah harus.

Tema 20: Usus Binatang sebagai Benang Jahitan Pembedahan

20.1 Usus Binatang Yang Digunakan Sebagai Benang Jahitan dalam Pembedahan (Pulau Pinang, 1988)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang
Tarikh bersidang	22 Februari 1988
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mengenai masalah ini Jawatankuasa Syariah memutuskan: "Menggunakan usus binatang sebagai benang jahitan dalam pembedahan hukumnya harus (dibolehkan). Ini berdasarkan kepada kaedah "keperluan (darurat) membolehkan larangan". Samalah hukumnya seperti dibolehkan memakan benda najis untuk dijadikan ubat". (Kitab Al-Asybah wan Nazair, halaman 90).

Tema 21: *Bone* China / Abu Tulang Haiwan (Peralatan & Perhiasan)

21.1 Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone* China) (MKI, 2012)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99
Tarikh bersidang	4–6 Mei 2012
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012 telah membincangkan mengenai Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone China*). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa berdasarkan mazhab Shafie, sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk *bone* china dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses *istihalah* dianggap tidak berlaku.

Muzakarah juga berpandangan bahawa sekiranya penggunaan produk *bone china* yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut Syarak ini diharuskan, maka ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa.

Muzakarah juga berpandangan bahawa peralatan atau perhiasan *bone* china tidak mencapai tahap keperluan (*darurah*) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakannya.

Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (*bone china*) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah tidak diharuskan.

Walaubagaimanapun, penggunaan peralatan dan perhiasan berasaskan abu tulang haiwan (*bone china*) yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan.

21.2 Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone* China) (Perak, 2018)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
Tarikh bersidang	2 Muharam 1440H / 12 September 2018M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 2 Muharram 1440H bersamaan 12 September 2018 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-99 sebagai Irsyad Hukum (panduan Hukum) mengenai Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone* China). Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa berdasarkan mazhab Syafii, sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk *bone* china dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses istihalah dianggap tidak berlaku.

2. Muzakarah juga berpandangan bahawa sekiranya penggunaan produk *bone* china yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut Syarak ini diharuskan, maka ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa.

3. Muzakarah juga berpandangan bahawa peralatan atau perhiasan *bone* china tidak mencapai tahap keperluan (darurah) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakannya.

4. Sehubungan itu, muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (*bone* china) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah tidak diharuskan.

5. Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan dan perhiasan berasaskan abu tulang haiwan (*bone* china) yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan.

21.3 Mohon Fatwa Berkaitan Pinggan Mangkuk Berasaskan Serbuk Tulang (*Bone* Ash) (Johor, 2010)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor
Tarikh bersidang	5 April 2010
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Setelah dilihat dan dibahaskan dengan teliti dari setiap sudut, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor membuat keputusan seperti berikut:

1) Penggunaan perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (*BONE* ASH) yang diperbuat daripada serbuk tulang babi adalah tidak harus mengikut hukum syara' dan wajib ditinggalkan penggunaannya.

2) Penggunaan perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (*BONE* ASH) yang diperbuat daripada serbuk tulang haiwan yang tidak halal dimakan selain daripada babi juga tidak harus digunakan.

3) Penggunaan perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (*BONE* ASH) yang diperbuat daripada serbuk tulang haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih juga tidak harus digunakan.

4) Manakala penggunaan perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (*BONE* ASH) yang diperbuat daripada serbuk tulang haiwan yang halal dimakan yang telah disembelih adalah harus digunakan mengikut hukum syara'.

Fatwa ini hanya terlaksana dengan adanya pembuktian saintifik yang jelas terhadap bahan kandungan pinggan mangkuk tersebut.

Walaupun belum terdapat pembuktian secara saintifik dengan bahan kandungan umat Islam dinasihatkan supaya tidak menggunakan pinggan mangkuk yang diperbuat daripada tulang untuk mengelakkan keraguan. Ini berdasarkan hadith Rasulullah saw:

دَعْ مَا يَرِيبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيبُكَ

(رواه الترمذي والنسائي)

Ertinya: Tinggalkanlah apa yang meragukan kamu kepada apa yang tidak meragukan.

Larangan penggunaan pinggan mangkuk yang tertera di atas adalah berasaskan konsep (الاحتياط) demi menjamin kesucian melaksanakan ibadah dalam kehidupan.

21.4 Penggunaan Peralatan dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Negeri Sembilan, 2012)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 8/2012
Tarikh bersidang	27–29 Muharam 1434H / 11–13 Disember 2012M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 8/2012-1434H yang bersidang pada 11-13 Disember 2012 bersamaan 27-29 Muharram 1434H telah bersetuju memutuskan untuk menerima keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan bahawa:

Berdasarkan mazhab Shafie, sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk *bone* china dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses istihalah dianggap tidak berlaku.

Sekiranya penggunaan produk *bone* china yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut Syarak ini diharuskan, maka ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa.

Peralatan atau perhiasan *bone* china juga tidak mencapai tahap keperluan (darurah) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakannya.

Sehubungan itu, adalah diputuskan bahawa penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (*bone* china) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah tidak diharuskan.

Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan dan perhiasan berasaskan abu tulang haiwan (*bone* china) yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan.

21.5 Hukum Produk Seramik *Bone* China Yang Menggunakan Bahan Asas Dari Abu Tulang (Selangor, 2009)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 4/2009
Tarikh bersidang	13 Oktober 2009
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan seperti berikut:

Bone china adalah najis kerana zatnya mengandungi 50% daripada tulang babi atau binatang lain yang tidak disembelih mengikut syara'.

21.6 Penggunaan Peralatan dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone* China) (Sabah, 2015)

Pihak memutuskan	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2015
Tarikh bersidang	12–14 Syawal 1436H / 28–30 Julai 2015M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil 1/2015 yang bersidang pada 28-30 Julai 2015M / 12-14 Syawal 1436H di Bilik Beringgis, TH & Residence, Kota Kinabalu telah menyemak dan mengambil maklum Fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berhubung dengan "Penggunaan Peralatan dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone* China)". Sehubungan dengan perkara ini, Muzakarah telah bersetuju dan membuat ketetapan untuk mengguna pakai keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 18 - 20 Februari 2013 di Hotel Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh, Perak tanpa pindaan seperti berikut:

1. Muzakarah berpandangan bahawa isu *bone* china sintetik adalah isu baru dan tidak menjejaskan keputusan yang dibuat oleh Muzakarah mengenai hukum penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (*bone* china) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut syarak.
2. Sehubungan dengan itu, Muzakarah bersetuju hukum yang telah diputuskan tersebut dikekalkan dan perbincangan dengan pakar-pakar berkaitan *bone* china sintetik boleh diatur sekiranya diperlukan.

Tema 22: Alatan Perubatan Mengandungi Bahan Najis

22.1 Hukum Menggunakan Alatan Perubatan Mengandungi Bahan Najis (Perlis, 2026)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-79/2026
Tarikh bersidang	25–26 Syawal 1447H / 14–15 April 2026M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

1. Beg ostomy dan apa-apa alatan atau penggunaan dalam perubatan yang mengandungi bahan berasaskan khinzir, atau binatang lain yang tidak halal dimakan atau binatang halal yang tidak disembelih sebagai pelekat pada bahagian tapaknya (baseplate) atau apa-apa penggunaan lain adalah tidak suci dan tidak boleh digunakan oleh pesakit beragama Islam. Namun jika bahan-bahan tersebut dapat disahkan telah melalui proses istihalah (perubahan sepenuhnya) maka ia dibolehkan.
2. Bahan atau alatan perubatan yang tidak disahkan sebagai najis boleh digunakan. Jika dia mendapati bahan yang digunakan itu adalah najis selepas ia digunakan, maka ia satu kemaafan

di sisi syarak. Namun mengambil langkah berhati-hati dalam memastikan kesucian bahan yang akan digunakan adalah warak yang terpuji.

3. Dalam keadaan seseorang muslim tidak mempunyai pilihan sedangkan keadaan dirinya memerlukan bahan tersebut, maka dibolehkan menggunakannya.

4. Dalam apa-apa keadaan sekalipun seorang muslim tetap wajib menunaikan solat fardhu menurut kadar kemampuan dirinya.

5. Pesakit yang telah menggunakan bahan yang mengandungi najis disebabkan tidak tahu atau kerana tiada pilihan lain ketika itu, maka tidak perlu mengulangi solat yang telah ditunaikan ketika itu.

Tema 23: Sertu / Samak Najis Mughallazah

23.1 Pelaksanaan Sertu Industri Menggunakan Kaedah Khas (Semburan, Celup, Vakum Air, Lap Basah, Sapuan kering) Untuk Pembangunan Standard Sertu (MS) Bagi Keperluan Industri (MKI, 2025)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-127
Tarikh bersidang	20–23 Zulhijah 1446H / 17–20 Jun 2025M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-127 yang bersidang pada 20 hingga 23 Zulhijjah 1446H bersamaan 17 hingga 20 Jun 2025M telah membincangkan mengenai pelaksanaan sertu industri menggunakan kaedah khas (kaedah semburan, kaedah celup, kaedah vakum air, kaedah lap basah, kaedah sapuan kering) untuk pembangunan standard sertu (MS) bagi keperluan industri. Muzakarah telah yakin dan berpuas hati dengan hujah-hujah dan fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh penyelidik dan berpandangan bahawa-

(a) sertu hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah biasa jika tiada masyaqqah (contohnya komponen peralatan boleh ditanggal dan dipasangkan semula tanpa masyaqqah);

(b) sekiranya kaedah biasa tidak dapat dilaksanakan disebabkan masyaqqah, maka kaedah khas boleh digunakan kerana darurah atau hajah mengikut turutan yang berikut:

  i) semburan (spray)

  ii) vakum air, atau

  iii) lap basah;

(c) sekiranya kaedah di perenggan (a) dan (b) tidak boleh dilaksanakan bagi situasi dan keadaan tertentu maka kaedah sapuan kering boleh dilaksanakan; dan

(d) sekiranya kaedah di perenggan (a), (b) dan (c) tidak boleh dilaksanakan bagi situasi dan keadaan tertentu maka pelaksanaan sertu adalah tergugur dan tidak perlu dilaksanakan.

23.2 Melakukan Samak Najis Mughallazah Menggunakan Sabun Tanah Liat (Negeri Sembilan, 2019)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 8/2019
Tarikh bersidang	3 Rabiulawal 1441H / 31 Oktober 2019M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan bil.8/2019M-1441H yang telah bersidang pada 31 Oktober 2019M bersamaan 3 Rabi' al-Awwal 1441H telah bersetuju dan memutuskan bahawa sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak.

BAHAGIAN E — BAHAN & ADITIF MAKANAN

Tema 24: Keju sebagai Bahan Makanan

24.1 Keju Sebagai Bahan Makanan (MKI, 1990)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
Tarikh bersidang	1990
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) telah memutuskan bahawa keju sebagai bahan makanan adalah harus sama ada enzim yang digunakan sebagai bahan campuran dalam pembuatan keju itu diperolehi daripada tumbuhan atau kulat atau binatang yang halal dan disembelih.

Tema 25: Pewarna Cochineal (Carmine)

25.1 Hukum Bahan Pewarna Cochineal: Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI, 2012)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-100
Tarikh bersidang	4–6 Julai 2012
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-100 yang bersidang pada 4 hingga 6 Julai 2012 telah membincangkan Hukum Bahan Pewarna Cochineal: Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa cochineal adalah jenis serangga (kumbang betina) yang tidak membahayakan dan zat pewarna yang dihasilkan daripada cochineal boleh dimanfaatkan oleh manusia. Dari segi perundangan negara, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah menetapkan bahawa pewarna carmine yang diperolehi dan dihasilkan daripada cochineal adalah dibenarkan berdasarkan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP).

Muzakarah juga menegaskan bahawa Jumhur Fuqaha' sepakat menetapkan bahawa bangkai serangga yang darahnya tidak mengalir adalah suci, dan pewarna cochineal adalah diperolehi daripada serangga cochineal yang telah mati di mana darahnya tidak mengalir.

Berdasarkan ketetapan tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan pewarna cochineal dalam makanan, minuman dan barang gunaan adalah diharuskan dan kadar

penggunaan yang dibenarkan adalah mengikut ketetapan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia selagi mana ia tidak mendatangkan kemudharatan.

Tema 26: Asid Tartarik dalam Industri Makanan

26.1 Penggunaan Asid Tartarik dalam Industri Makanan Halal (MKI, 2020)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-117
Tarikh bersidang	6–10 Muharam 1442H / 25–29 Ogos 2020M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-117 yang bersidang pada 6–10 Muharam 1442H / 25 hingga 29 Ogos 2020 telah membincangkan mengenai Hukum Penggunaan Asid Tartarik dalam Industri Makanan Halal. Muzakarah berpandangan bahawa Asid Tartarik adalah harus digunakan dalam industri makanan sekiranya:

i. Sumber, proses dan hasilan adalah jelas dan bebas daripada unsur najis dan perkara yang diharamkan. Ia bersesuaian dengan kaedah fiqh الأصل في الأشياء الإباحة bermaksud asal sesuatu adalah harus; dan

ii. Telah berlaku istihalah secara semula jadi semasa pemprosesan wine.

26.2 Fatwa Mengenai Penggunaan Asid Tartarik dalam Industri Makanan Halal (Pulau Pinang, 2018)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017
Tarikh bersidang	20 Disember 2018
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

FATWA MENGENAI PENGGUNAAN ASID TARTARIK DALAM INDUSTRI MAKANAN HALAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 pada tarikh 20 Disember 2018 telah membincangkan mengenai isu Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal dan memutuskan seperti yang berikut:

i. asid tartarik yang menggunakan wine-less adalah haram kerana –

   a) ia terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak; dan

   b) istihalah yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan tetapi proses nyah alkohol secara penyulingan wine-less tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.

ii. asid tartarik yang bukan berasal daripada wine-less adalah dibenarkan.

26.3 Hukum Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal (Selangor, 2024)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor
Tarikh bersidang	5 April 2024
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

Menurut seksyen 47 dan seksyen 48(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen No. 1 tahun 2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

HUKUM PENGGUNAAN ASID TARTARIK DALAM INDUSTRI MAKANAN HALAL

Asid tartarik yang dihasilkan bukan melalui industri arak atau proses sampingan daripada pemprosesan arak adalah harus digunakan dalam industri penyediaan produk berasaskan makanan dan minuman, termasuk perisa atau pewarna bagi makanan dan minuman.

Tema 27: Mikroorganisme Terubah Suai dalam Penghasilan MSG

27.1 Mikroorganisme Terubah Suai dalam Penghasilan MSG (Selangor, 2015)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) Kali Ke-1/2015
Tarikh bersidang	12 Jamadilawal 1436H / 3 Mac 2015M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) kali ke-1/2015 yang bersidang pada 12 Jamadil Awal 1436H / 3 Mac 2015M memutuskan bahawa:

Penggunaan Mikro Organisma Terubahsuai iaitu Lactic Acid Bacteria yang diperolehi daripada “Intestines of Human Adult” (usus orang dewasa) dalam teknologi baru penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) hukumnya adalah harus.

27.2 Penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) Menggunakan Mikro Organisma Terubahsuai (MKI, 2014)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105
Tarikh bersidang	3–5 Rabiulakhir 1435H / 3–5 Februari 2014M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah membincangkan mengenai Penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) Menggunakan Mikro Organisma Terubahsuai. Muzakarah telah memutuskan:

1. Setelah meneliti proses pengubahsuaian genetik dan teknologi baru dalam proses penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) beserta fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa bakteria penderma iaitu Lactic Acid Bacteria yang digunakan

adalah diperolehi daripada “Intestines of Human Adult” (usus orang dewasa) yang kemudiannya telah dipencilkan serta dipurifikasikan.

2. Berdasarkan proses dan sumber bakteria yang dikemukakan tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Penggunaan Mikro Organisma Terubahsuai iaitu Lactic Acid Bacteria yang diperolehi daripada “Intestines of Human Adult” (usus orang dewasa) dalam teknologi baru penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) adalah dibenarkan kerana bakteria yang digunakan tersebut dikategorikan sebagai mutanajjis dan ianya telah melalui proses pengasingan dan penyucian yang tidak menyalahi hukum Syarak.

Tema 28: Kopi Luwak (Kopi Musang)

28.1 Hukum Meminum Kopi Luwak (Musang) (MKI, 2012)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98
Tarikh bersidang	21–23 Rabiulawal 1433H / 13–15 Februari 2012M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 21–23 Rabiul Awal 1433H / 13-15 Februari 2012 telah membincangkan Hukum Meminum Kopi Luwak (Musang). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

i. Muzakarah menegaskan bahawa umat Islam hendaklah memilih dan memakan makanan yang halal dan baik, selaras dengan tuntutan syarak.

ii. Muzakarah berpandangan bahawa hukum asal sesuatu adalah harus selagi tiada dalil muktabar yang mengharamkannya. Bijian yang keluar bersama najis haiwan pula dihukumkan mutanajjis dan bukan najis jika masih dalam bentuk asal, tidak rosak dan boleh tumbuh jika ditanam.

iii. Biji Kopi Luwak adalah mutanajjis dan harus dijadikan minuman dengan syarat biji masih baik, tidak pecah atau berlubang, boleh tumbuh jika ditanam dan disucikan daripada najis terlebih dahulu.

iv. Kopi Luwak hendaklah mendapatkan sijil pengesahan halal JAKIM atau MAIN sebelum dipasarkan kepada masyarakat Islam.

BAHAGIAN F — PERUBATAN, VAKSIN & BIOTEKNOLOGI

Tema 29: Suntikan Insulin daripada Sumber Babi (Keadaan Darurat)

29.1 Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi (MKI, 1983)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6
Tarikh bersidang	10 Oktober 1983
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6 yang bersidang pada 10 Oktober 1983 telah membincangkan Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum menyuntikkan Insulin daripada najis mughallazah (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukum bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya.

Tema 30: Vaksin Meningococcal Meningitis

30.1 Suntikan Pelalian Vaksin 'Meningococcal Meningitis' Oleh Orang Islam (MKI, 2002)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-53
Tarikh bersidang	27 November 2002
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-53 yang bersidang pada 27 November 2002 telah membincangkan Suntikan Pelalian Vaksin 'Meningococcal Meningitis' Oleh Orang Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum menggunakan pelalian 'Meningococcal Meningitis' Mencevax yang diambil daripada sumber lembu adalah harus.

30.2 Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo (MKI, 2013)

Pihak memutuskan	Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
Tarikh bersidang	17 Julai 2013
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 17 Julai 2013 telah membincangkan Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

"Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan meneliti keterangan, hujah-hujah serta pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan Vaksin Meningitis Menveo adalah diharuskan".

30.3 Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo (Rujuk Pindaan) (MKI, 2011)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-94
Tarikh bersidang	20–22 April 2011
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-94 yang bersidang pada 20 - 22 April 2011 telah membincangkan Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan meneliti keterangan, hujah-hujah serta pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mengambil perhatian bahawa proses penghasilan Vaksin Menveo keluaran Syarikat Novartis Vaccines adalah sama sepertimana penghasilan Vaksin Mencevax keluaran Syarikat Glaxo Smith Kline (GSK).

2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pada dasarnya hukum penggunaan vaksin Menveo adalah harus atas dasar dharurah sama seperti vaksin Mencevax yang telah diputuskan pada Muzakarah kali ke-53 bertarikh 27 November 2002 kerana sehingga kini masih belum ada mana-mana vaksin meningococcal meningitis yang dihasilkan 100% halal dan suci daripada awal hingga akhir proses penghasilannya.

3. Walaubagaimanapun untuk maslahah umat Islam, Muzakarah berpandangan di antara kedua-dua vaksin ini, keutamaan adalah kepada vaksin Mencevax yang telah digunakan sekian lama dan telah terjamin dari segi keberkesanan dan keselamatan kepada pengguna. Manakala vaksin Menveo masih baru di pasaran dan pemonitoran kesan jangka panjang masih berterusan.

4. Muzakarah juga berpandangan bahawa Sijil Halal tidak wajar diberikan kepada vaksin Menveo kerana penentuan harus adalah atas dasar dharurah dan proses penghasilannya tidak mematuhi piawaian pensijilan halal Malaysia.

30.4 Hukum Pelalian Meningococcal Meningitis Bagi Mencegah Jangkitan Kuman (Selangor, 2002)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor Kali Ke-6
Tarikh bersidang	28 Disember 2002
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor Kali Ke-6 yang diadakan pada 28 Disember 2002 telah memutuskan bahawa:

Suntikan Pelalian Vaksin Meningococcal Quadrivalent untuk orang Islam yang tidak mengandungi lemak babi- vaksin Mencevax adalah harus. Manakala vaksin yang mengandungi lemak babi- Menomune hukumnya adalah haram.

Tema 31: Vaksin Biothrax dan Rotateq (Unsur Babi)

31.1 Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya (MKI, 2008)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81
Tarikh bersidang	31 Mac 2008
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan vaksin Biothrax dan Rotateq adalah tidak dibenarkan kerana:

1. Situasi kini dianggap tidak darurat;
2. Terdapat bahan atau ubat alternatif selain penggunaan unsur babi dalam pemprosesan kedua-dua vaksin; dan
3. Tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin ini.

Tema 32: Pengklonan dan Sel Stem (Stem Cell)

32.1 Hukum Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem (Stem Cell) (MKI, 2005)

Pihak memutuskan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-67
Tarikh bersidang	13 Muharam 1426H / 22 Februari 2005M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-67 yang bersidang pada 22 Feb 2005 telah membincangkan Hukum Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem (Stem Cell). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pengklonan Terapeutik untuk tujuan rawatan perubatan seperti mencipta sel-sel tertentu atau menggantikan organ yang telah rosak dengan mengambil kira langkah-langkah sempadan yang dibenarkan oleh syarak adalah diharuskan.
2. Harus menggunakan embrio yang disimpanbeku atau lebihan embrio dari proses persenyawaan di luar rahim (IVF) untuk tujuan penyelidikan dengan syarat mendapat persetujuan pasangan suami isteri yang menerima rawatan dan kajian tersebut dilakukan sebelum mencapai tahap ‘alaqah (blastocyst).

3. Penyelidikan ke atas pra-embrio selain dari untuk tujuan terapeutik hendaklah mendapat kebenaran daripada pasangan suami isteri dan pra-embrio hasil penyelidikan ini, tidak boleh sama sekali ditanam dalam rahim isteri atau mana-mana wanita yang lain;

4. Harus melakukan penyelidikan ke atas pra-embrio untuk mengetahui penyakit genetik bagi pasangan yang berisiko tinggi dan hanya embrio yang dikenalpasti bebas dari penyakit sahaja boleh ditanam dalam rahim ibunya dalam tempoh perkahwinan yang sah. Sebarang penyelidikan yang berunsurkan komersial atau yang tiada kaitan dengan kesihatan ibu atau janin adalah tidak dibenarkan;

5. Rawatan kejuruteraan genetik ke atas pra-embrio yang melibatkan pengubahsuaian sifat semulajadi seperti rambut, warna rambut, kebijaksanaan, ketinggian dan sebagainya termasuk memilih jantina adalah haram. Bagaimanapun pemilihan jantina diharuskan sekiranya faktor jantina menatijahkan suatu penyakit genetik yang serius yang boleh membawa kematian;

6. Penyelidikan hendaklah dijalankan secara sah dan proposal penyelidikan mestilah jelas, saintifik dan dikendalikan oleh penyelidik yang benar-benar mempunyai kemahiran, amanah dan bertanggungjawab; dan

7. Sel stem daripada sumber-sumber berikut adalah harus digunakan untuk tujuan rawatan perubatan dan kaji selidik:

   (a) Daripada seorang dewasa (sel stem dewasa) dengan izin dan prosedurnya tidak mengakibatkan mudarat;

   (b) Daripada seorang kanak-kanak dengan keizinan ibu bapanya dan prosedurnya tidak mengakibatkan mudarat;

   (c) Daripada uri dan darah tali pusat bayi dengan keizinan ibu bapanya;

   (d) Daripada janin yang gugur secara spontan atau keguguran akibat daripada rawatan perubatan yang dibenarkan syarak dengan syarat mendapat keizinan ibu bapanya, bukan janin yang digugurkan secara sengaja atau digugurkan tanpa sebab-sebab perubatan yang dibenarkan oleh syarak; dan

   (e) Daripada lebihan embrio (excess embryos) yang disimpan beku daripada teknologi bantuan kesuburan IVF dengan syarat mendapat keizinan daripada ibu bapanya. Sel stem daripada embrio yang dihasilkan secara sengaja (created embryo) dengan teknologi Somatic Cell Nuclear Transfer (SCNT) adalah tidak dibenarkan berdasarkan kaedah sad al-zaraie' (menutup pintu keburukan)

Tema 33: Daging Kultur (Cultured Meat)

33.1 Penentuan Hukum Memakan Daging Kultur (Cultured Meat) Menurut Perspektif Islam dan Sains (MKI, 2025)

Pihak memutuskan	Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-128
Tarikh bersidang	1–4 Rabiulakhir 1447H / 23–26 September 2025M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-128 yang bersidang pada 1 hingga 4 Rabiulakhir 1447H bersamaan 23 hingga 26 September 2025M telah membincangkan mengenai Hukum Memakan Daging Kultur (Cultured Meat). Muzakarah telah bersetuju dan berpuas hati dengan hujah-hujah dan fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh penyelidik dan berpandangan bahawa:

1. Harus sekiranya sumber sel yang digunakan berasal daripada haiwan halal yang disembelih dan medium daripada sumber halal;

2. Haram sekiranya:

   (a) sumber sel yang digunakan berasal daripada haiwan halal yang tidak disembelih; atau

   (b) sumber sel berasal daripada haiwan yang haram; atau

   (c) medium dan komponen biologi yang digunakan daripada sumber yang haram dan najis.

   * Medium yang dinyatakan dalam pernyataan (c) merujuk kepada serum yang diperoleh daripada darah yang mengalir. Manakala, komponen biologi merangkumi faktor-faktor pertumbuhan, hormon pertumbuhan, enzim-enzim yang diekstrak daripada darah; gelatin, serta pelbagai komponen biologi lain yang berperanan dalam menyokong proses pertumbuhan dan pembezaan sel

33.2 Hukum Penggunaan Daging Kultur Dalam Makanan Menurut Perspektif Islam Di Wilayah Persekutuan (Wilayah Persekutuan, 2023)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-141/2023
Tarikh bersidang	23–24 Mei 2023
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-141/2023 yang bersidang pada 23-24 Mei 2023 telah memutuskan bahawa:

Hukum penggunaan daging kultur adalah haram kerana Sel (ESC atau ADSC) yang digunakan berasal daripada sumber yang tidak halal dan ia dihidupkan dengan serum bersumberkan dari unsur najis.

Tema 34: Kanabis untuk Tujuan Perubatan

34.1 Kanabis untuk Tujuan Perubatan (Wilayah Persekutuan, 2019)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-116
Tarikh bersidang	1 April 2019
Status pewartaan	Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-wilayah Persekutuan Kali Ke-116 yang bersidang pada 1 April 2019 telah membincangkan perkara berkenaan dengan Hukum Menggunakan Dadah Jenis Kanabis Bagi Tujuan Perubatan. Fatwanya adalah seperti yang berikut:

1. Hukum menggunakan dadah jenis kanabis adalah haram kerana mendatangkan mudarat kepada tubuh badan manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah 2:195 yang bermaksud "... dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan". Hal ini bertepatan dengan Kaedah Fiqh "Kemudaratan hendaklah dihilangkan".

2. Walau apa pun perenggan 1, hukum menggunakan dadah jenis kanabis adalah harus bagi tujuan perubatan sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

   (a) mendapat kebenaran daripada pihak yang berautoriti;

   (b) mendapat pengesahan daripada dua (2) orang pakar perubatan; dan

   (c) tidak digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.

3. Hal keadaan dalam perenggan 2 adalah bertepatan dengan Kaedah Fiqh "Keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang terlarang".

4. Bagi maksud Fatwa ini, kanabis ialah sejenis dadah yang berasal daripada pokok hem atau dikenali sebagai ganja dalam kalangan masyarakat umum.

Tema 35: Serbuk Cengkerik sebagai Sumber Protein

35.1 Serbuk Cengkerik sebagai Sumber Protein (Wilayah Persekutuan, 2023)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-142
Tarikh bersidang	11–13 Julai 2023
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-142 yang bersidang pada 11 – 13 Julai 2023M telah membincangkan perkara berkenaan Cadangan Hukum Penggunaan Serbuk Cengkerik Sebagai Makanan Sumber Protein. Fatwanya adalah seperti yang berikut:

Penggunaan cengkerik sebagai bahan makanan adalah haram berdasarkan pandangan jumhur fuqaha.

BAHAGIAN G — ISU KEPENGGUNAAN & PENGESAHAN HALAL SEMASA

Tema 36: DNA Babi dalam Makanan dan Bioteknologi

36.1 Kuantifikasi & Stabiliti DNA Babi (TaqMan Real-Time PCR) (Pulau Pinang, 2014)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2014
Tarikh bersidang	16 Julai 2014
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2014 yang bersidang pada 16 Julai 2014 telah membincangkan mengenai Kuantifikasi Dan Stabiliti DNA Babi Yang Diekstrak Daripada Daging Campuran Dan Produk Diproses Menggunakan Taqman Real Time Polymerase Chain Reaction Assay. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

(i) Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang telah disahkan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan oleh Kumpulan Penyelidik.

(ii) Berdasarkan dapatan penyelidikan tersebut mesyuarat mendapati bahawa DNA babi boleh menyerap masuk ke dalam produk makanan sama ada ianya disengajakan atau berlaku secara tidak sengaja dan kontaminasi DNA babi yang berlaku boleh diukur dan boleh diketahui sekiranya ia berlaku melalui sentuhan secara fizikal. Kontaminasi juga berkemungkinan berlaku melalui edaran udara apabila daging babi dan bahan lain disimpan di dalam tempat yang sama dan kedua-duanya di dalam keadaan tidak tertutup, walaupun tiada persentuhan fizikal berlaku antara keduanya. Kontaminasi DNA babi tidak akan berlaku sekiranya daging babi dan bahan halal lain disimpan di dalam bekas yang tertutup kemas dan tiada sentuhan secara fizikal.

(iii) Dalam hal ini mesyuarat berpandangan bahawa dalam penghasilan atau pemprosesan sesuatu produk halal, pencemaran atau kontaminasi produk dengan DNA bahan yang diharamkan seperti babi boleh dikawal dari peringkat awal penyediaan bahan mentah lagi dan sekiranya sesuatu produk itu didapati mengandungi DNA babi semasa proses akhir penghasilannya dan sebelum dipasarkan, maka ia tidak boleh dikategorikan sebagai halal kerana tidak menepati kaedah umum al-balwa.

(iv) Walau bagaimanapun, dalam kes produk siap diproses dan telah dipasarkan kepada pengguna yang pada asasnya telah dihasilkan melalui pemprosesan serta menggunakan bahan-bahan yang suci dan halal, tetapi kemudian didapati telah berlaku kontaminasi DNA babi pada sebahagian produk, maka mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa dalam keadaan ini ia adalah dikategorikan sebagai umum al-balwa dan hukum produk tersebut adalah merujuk kepada hukum asal iaitu halal dimakan kerana pencemaran atau kontaminasi yang berlaku adalah di luar kawalan dan tidak dapat dielakkan.

36.2 Kuantifikasi & Stabiliti DNA Babi (TaqMan Real-Time PCR) (Selangor, 2014)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) Kali Ke-2/2014
Tarikh bersidang	8 Jamadilakhir 1435H / 8 April 2014M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) kali ke-2/2014 yang bersidang pada 8 April 2014 bersamaan 8 Jamadil Akhir 1435H berkaitan Fatwa Kuantifikasi Dan Stabiliti DNA Babi Yang Diekstrak Daripada Daging Campuran Dan Produk Diproses Menggunakan Taqman Real Time Polymerase Chain Reaction Assay memutuskan bahawa:

i. Bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan oleh kumpulan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

ii. Berdasarkan dapatan penyelidikan tersebut ahli mesyuarat mendapati bahawa DNA babi boleh menyerap masuk ke dalam produk makanan sama ada ianya disengajakan atau berlaku secara tidak sengaja dan kontaminasi DNA babi yang berlaku boleh diukur dan boleh diketahui sekiranya ia berlaku melalui sentuhan secara fizikal. Kontaminasi DNA babi tidak akan berlaku sekiranya daging babi dan bahan halal lain disimpan di dalam bekas yang tertutup kemas dan tiada sentuhan secara fizikal.

iii. Ahli mesyuarat berpandangan bahawa dalam penghasilan atau pemprosesan sesuatu produk halal, pencemaran atau kontaminasi produk dengan DNA bahan yang diharamkan seperti babi boleh dikawal dari peringkat awal penyediaan bahan mentah lagi dan sekiranya sesuatu produk itu didapati mengandungi DNA semasa proses akhir penghasilannya dan sebelum dipasarkan, maka ia tidak boleh dikategorikan sebagai halal berasaskan umum al-balwa.

iv. Walau bagaimanapun, dalam proses produk siap diproses dan telah dipasarkan kepada pengguna yang pada asasnya telah dihasilkan melalui pemprosesan serta menggunakan bahan-bahan yang suci dan halal, tetapi kemudian didapati telah berlaku kontaminasi DNA babi pada sebahagian produk, maka ahli mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa dalam keadaan ini ia adalah dikategorikan sebagai umum al-balwa dan hukum produk tersebut adalah merujuk kepada hukum asal iaitu halal dimakan kerana pencemaran atau kontaminasi yang berlaku adalah di luar kawalan dan tidak dapat dielakkan.

36.3 Bioteknologi Dalam Makanan & Minuman (MKI, 1999)

Pihak memutuskan	Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
Tarikh bersidang	12 Julai 1999
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 12 Julai 1999 telah membincangkan Bioteknologi Dalam Makanan & Minuman. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Barangan, makanan dan minuman yang diproses melalui kaedah bio-teknologi DNA babi adalah bercanggah dengan syarak dan hukumnya adalah haram.

2. Penggunaan bio-teknologi DNA babi dalam pemprosesan barangan, makanan dan minuman belum lagi sampai ke tahap yang boleh dikatakan darurat kerana masih ada pilihan bahan yang lain.

3. Ijtihad ini adalah berpegang kepada kaedah usul fiqh seperti berikut:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya:'Mencegah perkara-perkara yang keji adalah lebih utama daripada mengajak kepada kebajikan'.

Tema 37: Pemakanan Halalan Toyyiban di Restoran 'No Pork No Lard'

37.1 Pemakanan Halalan Toyyiban di Restoran 'No Pork No Lard' (Pulau Pinang, 2024)

Pihak memutuskan	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024
Tarikh bersidang	24 Jamadilawal 1446H / 26 November 2024M
Status pewartaan	Tidak Warta

Sighah penuh keputusan:

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024 pada 24 Jamadilawal 1446H / 26 November 2024M telah memutuskan hukum berkaitan permasalahan Pemakanan Halalan Toyyiban Di Restoran Free-Pork Dan No Pork No Lard berdasarkan situasi semasa, yang merangkumi empat perkara utama:

i. Hukum makan di restoran free-pork dan no pork no lard yang menyediakan arak, makanan berasaskan babi atau bahan bernajis adalah haram. Jika makanan tersebut tidak mengandungi unsur arak, babi atau najis, hukumnya adalah makruh.

ii. Hukum bekerja di restoran free-pork dan no pork no lard yang menyediakan arak, makanan berasaskan babi atau bahan bernajis adalah haram. Jika tiada unsur tersebut, hukumnya adalah harus.

iii. Hukum membuat ulasan, promosi atau menjadi duta bagi restoran free-pork dan no pork no lard yang menyediakan arak, makanan berasaskan babi atau bahan bernajis adalah haram, sama ada berbayar atau tidak. Jika tiada unsur tersebut, hukumnya adalah makruh.

iv. Pihak berkuasa berkaitan halal bertanggungjawab memberi penerangan kepada masyarakat tentang kepentingan memilih restoran halal serta larangan berkunjung ke restoran pork-free dan no pork no lard.